

**KAJIAN MENGENAI PENERIMAAN
MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG RAHMAT,
TANJUNG LABUH, BATU PAHAT, JOHOR
TERHADAP SENI PERSEMBAHAN HAMDOLOK**

NUR SYAZANA BINTI HUSSIN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI PENERIMAAN MASYARAKAT
JAWA DI KAMPUNG RAHMAT, TANJUNG LABUH,
BATU PAHAT, JOHOR TERHADAP SENI
PERSEMBAHAN HAMDOLOK**

Oleh

NUR SYAZANA BINTI HUSSIN

Projek Penyelidikan Ini Dibuat Bagi Memenuhi Syarat Bagi Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia



.....
NUR SYAZANA BINTI HUSSIN

.....
DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED
ROSDI

Tarikh: 19/02.2023

Tarikh: **20/02/2023**

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I here by certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



Signature of Supervisor



.....
NUR SYAZANA BINTI HUSSIN

.....
DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED

ROSDI

Date: 19/02/2023

Date: **20/02/2023**

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh saya ucapkan. Sebelum pergi dengan lebih lanjut, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Alhamdulillah dan syukur ke hadirat Ilahi kepada Yang Maha Esa kerana dengan izinnya dapat saya menyiapkan kursus Projek Penyelidikan dengan jayanya.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi. Atas tunjuk ajar, ilmu, bimbingan dan nasihat yang diberikan oleh beliau amat membantu saya bagi menyempurnakan kursus ini dengan jayanya. Tanpa beliau tidak mungkin saya berjaya sehingga ke tahap ini.

Dalam pada masa yang sama, terima kasih kepada pihak institusi kajian iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan khususnya dalam membantu saya dari segi prosedur untuk melakukan kajian dengan lancar.

Ribuan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada masyarakat yang menjadi responden atas kesudian menjawab soal selidik dan temu bual. Tidak dilupakan juga, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada kedua ibubapa saya kerana telah membantu saya dalam pelbagai aspek khususnya dari segi doa, nasihat, bimbingan sepanjang berlangsungnya sesi pembelajaran di Universiti Malaysia Kelantan. Sesungguhnya, jasa dan pengorbanan yang diberikan tidak dapat dibalas dengan wang ringgit.

Seterusnya, kepada rakan-rakan saya, ingin saya berterima kasih atas bantuan yang diberikan dalam menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Akhir kata, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Sekian, Jazakumullah Khairan Katsiran.

**PENERIMAAN MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG RAHMAT, TANJUNG
LABUH, BATU PAHAT, JOHOR TERHADAP SENI PERSEMBAHAN
HAMDOLOK**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Terdapat tiga objektif yang digariskan dalam kajian ini antaranya adalah untuk mengenalpasti pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Seterusnya, objektif kedua adalah untuk mengkaji pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Selain itu, objektif ketiga pula adalah untuk membincangkan sejauh mana penerimaan masyarakat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai kajian yang dijalankan. Seramai dua orang informan telah di temu bual. Manakala, 70 orang responden telah terlibat dalam menjawab edara borang soal selidik. Oleh itu, perkara ini perlu dilihat agar kajian yang dijalankan oleh penyelidik dapat memberikan info dan maklumat baharu kepada semua individu, masyarakat, institusi dan negara untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan dengan tarian Hamdolok.

Kata Kunci: seni persembahan, Hamdolok, Jawa, Johor, penerimaan masyarakat

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**RECEPTION OF THE JAVANESE COMMUNITY IN KAMPUNG RAHMAT,
TANJUNG LABUH, BATU PAHAT, JOHOR TO HAMDOLOK
PERFORMANCE ART**

ABSTRACT

This study was conducted to examine the acceptance of the Javanese community in Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor towards the performing arts of Hamdolok. There are three objectives outlined in this study, one of which is to identify the knowledge of the Javanese community about the origins of the Hamdolok dance in Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. The second objective is to further study the knowledge of the Javanese community about how Hamdolok performance art is performed in Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. In addition, the third objective is to find out the extent of community acceptance in Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor towards the performing arts of Hamdolok. This study uses qualitative methods and quantitative methods to obtain detailed information about the research conducted. A total of two informants were interviewed. Meanwhile, 70 respondents were involved in answering the questionnaire. Therefore, this matter needs to be seen so that the research conducted by the researcher can provide information and new information to all individuals, communities, institutions and countries to learn more about the Hamdolok dance.

Keywords: performing arts, Hamdolok, Java, Johor, community acceptance

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

| | HALAMAN | |
|---------------------------|-----------------------|----|
| PERAKUAN THESIS | i | |
| THESIS DECLARATION | ii | |
| PENGHARGAAN | iii | |
| ABSTRAK | iv | |
| ABSTRACT | v | |
| ISI KANDUNGAN | vi | |
| SENARAI GAMBAR | vii | |
| SENARAI JADUAL | viii | |
| SENARAI RAJAH | viii | |
| | | |
| BAB I | | |
| PENDAHULUAN | | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1.1 Dunia Seni Tari | 2 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 | Permasalahan Kajian | 4 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 6 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 6 |
| 1.6 | Skop Kajian | 6 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 9 |
| | 1.7.1 Individu | 10 |
| | 1.7.2 Masyarakat | 10 |
| | 1.7.3 Institusi | 11 |
| | 1.7.4 Negara | 11 |
| 1.8 | Kerangka Teori | 12 |
| 1.9 | Kesimpulan | 13 |

| | | |
|----------------|---|----------|
| BAB II | SOROTAN KAJIAN | |
| 2.1 | Pengenalan | 15 |
| 2.2 | Sorotan Kajian | 16 |
| | 2.2.1 Maksud Secara Umum Mengenai Asal-Usul Tarian | 17 |
| | 2.2.2 Maksud Secara Umum Mengenai Tarian | 18 |
| | 2.2.3 Maksud Secara Umum Mengenai Alat Muzik | 20 |
| | 2.2.4 Maksud Secara Umum Mengenai Warisan | 22 23 |
| | 2.2.5 Maksud Secara Umum Mengenai Seni Persembahan | 24 |
| | 2.2.6 Maksud Secara Umum Mengenai Kebudayaan | 25 |
| | 2.2.7 Maksud Secara Umum Mengenai Pemeliharaan | 26 |
| | 2.2.8 Maksud Secara Umum Mengenai Pemuliharaan | 26 |
| | 2.2.9 Tarian Sebagai Hiburan Masyarakat | 27 |
| | 2.2.10 Tarian Sebagai Lambang Identiti Bagi Sesebuah Masyarakat | 27 28 |
| 2.3 | Kesimpulan | 28 |
| BAB III | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 30 |
| 3.2 | Pendekatan Kajian | 31 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 31 |
| | 3.3.1 Kualitatif | 32 |
| | 3.3.2 Kuantitatif | 32 |

| | | |
|---------------|---|----|
| 3.4 | Pengumpulan Data | 34 |
| | 3.4.1 Data Primer | 34 |
| | 3.4.2 Data Sekunder | 39 |
| 3.5 | Teknik Persampelan | 42 |
| 3.6 | Alat Bantu Kajian | 42 |
| | 3.6.1 Telefon Bimbit | 43 |
| | 3.6.2 Kamera | |
| | 3.6.3 Buku Catatan | |
| | 3.6.4 Kamera Tripod | |
| | 3.6.5 Mikrofon Tanpa Wayar | |
| 3.7 | Analisis Data | 45 |
| | 3.7.1 Tematik | 46 |
| 3.8 | Kesimpulan | 48 |
| BAB IV | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 50 |
| 4.2 | Demografi Responden | 51 |
| 4.3 | Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Asal-Usul Tarian Hamdolok Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | 53 |
| | 4.3.1 Tokoh Tarian Hamdolok | 59 |
| 4.4 | Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Cara Seni Persembahan Hamdolok Dipersembahkan Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | 62 |
| | 4.4.1 Elemen Yang Terdapat Dalam Seni Persembahan Hamdolok | 68 |
| 4.5 | Sejauhmana Penerimaan Masyarakat Jawa Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolok | 81 |
| | 4.5.1 Persepsi Masyarakat Terhadap Seni Persembahan Hamdolok | |

| | | |
|--------------|--|----|
| 4.6 | Kesimpulan | 84 |
| BAB V | PENUTUP | |
| 5.1 | Pengenalan | 86 |
| 5.2 | Ringkasan | 86 |
| 5.3 | Penemuan Utama | 88 |
| 5.4 | Saranan Dan Cadangan | 90 |
| | 5.4.1 Kajian Akan Datang | 91 |
| | 5.4.2 Kesedaran Masyarakat Terhadap Kepentingan Tarian Hamdolok | 92 |
| | 5.4.3 Peranan Institusi Pendidikan Dalam Memberi Pendedahan Terhadap Seni Persembahan Hamdolok | 92 |
| | 5.4.4 Mendapat Pengiktirafan Dari Pelbagai Pihak | 93 |
| 5.5 | Penutup | 94 |
| RUJUKAN | | 95 |
| LAMPIRAN | | 98 |

SENARAI GAMBAR

| NO. GAMBAR | | HALAMAN |
|------------|---|---------|
| Gambar 1 | Gambaran Persekitaran Daerah Batu Pahat, Johor | 8 |
| Gambar 2 | Papan Tanda Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | 9 |
| Gambar 3 | Pakaian Watak Pandu Dalam Tarian Hamdolok | 70 |
| Gambar 4 | Pakaian Watak Lucu Dalam Tarian Hamdolok | 71 |
| Gambar 5 | Pakaian Watak Penari dan Pemuzik Dalam Tarian Hamdolok Yang Berada Di Bahagian Kiri dan Kanan | 72 |
| Gambar 6 | Watak Yang Dimainkan Dalam Tarian Hamdolok | 74 |
| Gambar 7 | Bentuk Solekan Dalam Tarian Hamdolok | 75 |
| Gambar 8 | Alat Muzik Gambus Hadramaut | 77 |
| Gambar 9 | Alat Muzik Gambus Melayu | 77 |
| Gambar 10 | Alat Muzik Tamborin | 78 |
| Gambar 11 | Alat Muzik Marakas | 78 |
| Gambar 12 | Alat Muzik Dol Atau Konga Drum | 79 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | | HALAMAN |
|-------------------|---|----------------|
| Jadual 1 | Alat Bantu Kajian Yang Digunakan Oleh Penyelidik | 43 |
| Jadual 2 | Kategori Jantina | 51 |
| Jadual 3 | Kategori Umur | 52 |
| Jadual 4 | Kategori Status | 52 |
| Jadual 5 | Kategori Kaum | 53 |
| Jadual 6 | Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Asal-Usul Tarian Hamdolik Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | 55 |
| Jadual 7 | Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Cara Persembahan Hamdolik Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | 65 |
| Jadual 8 | Penerimaan Masyarakat Jawa Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolik | 82 |

SENARAI PETA

| NO. PETA | | HALAMAN |
|-----------------|---|----------------|
| Peta 1 | Peta Daerah Batu Pahat, Johor | 7 |
| Peta 2 | Peta Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | 8 |
| Peta 3 | Peta Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | 9 |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Menurut Asmad (1990) dalam karyanya yang bertajuk 'Kesenian Tari' menyatakan bahawa maksud kesenian merupakan salah satu bahagian daripada kebudayaan. Secara ringkasnya, kesenian itu bermaksud seni. Kesenian atau seni yang dibawa tidak kira secara individu atau masyarakat membawa kepada penghasilan karya yang indah. Sudah terang lagi bersuluh kesenian atau seni ini adalah hasil kelakuan seseorang individu yang mempunyai elemen keindahan misalnya melalui percakapan, pendengaran, penglihatan, pembacaan, penulisan dan lain-lain lagi elemen keindahan dapat dilihat daripada seseorang individu itu. Melalui pancaindera yang telah dianugerahkan oleh-Nya, sedikit sebanyak ia memberi kesan kepada seseorang individu apabila menghadapinya. Malah, jika seseorang individu itu mempunyai jiwa dalam seni membolehkan hatinya tersentuh apabila berhadapan dengan kesenian ini. Oleh itu, kesenian atau seni yang lahir dalam dunia ini melahirkan elemen keindahan kepada manusia.

Lantaran itu, dalam perkembangan ilmu pada masa kini membolehkan bidang kesenian diperluaskan lagi seiring dengan zaman teknologi masa kini. Antara bidang kesenian yang sudah diterokai selain bidang seni persembahan ialah seni masakan, seni muzik, seni teater, seni pendidikan, seni halus, seni foto dan lain-lain lagi. Oleh

itu, setiap bidang kesenian itu terdapat kategori-kategorinya yang tersendiri. Setiap apa yang dilakukan oleh manusia tidak kira dalam aspek yang bagaimana sekalipun telah menimbulkan kesenian samada secara sedar atau tidak. Apa yang terdapat di sekeliling juga saling berkait rapat dengan seni. Bangunan, alam semulajadi dan arca buatan manusia saling berkait dengan kesenian. Malah, pergerakan badan seperti dalam tarian, kebolehan untuk berjenaka dalam suatu persembahan dan lain-lain lagi sudah tentu mempunyai ciri seninya yang tersendiri. Kemajuan dunia sains dan teknologi pula telah mendorong kepada kemajuan bidang seni yang baharu seperti seni filem yang lebih berkualiti tinggi berbanding dengan zaman dahulu. Dari hari ke hari dapat dilihat begitu banyak teknologi yang muncul dengan tujuan untuk meningkatkan bidang kesenian serta bidang-bidang yang lain.

Setiap manusia yang berada di muka bumi ini tidak hanya memerlukan makanan dan minuman sahaja demi meneruskan kelangsungan hidup tetapi manusia juga memerlukan hiburan untuk memenuhi kepuasan dalam hidupnya. Hiburan merupakan salah satu ubat untuk menenangkan minda daripada masalah yang melanda. Hiburan di dalam konteks ini bukan bermakna membuat suatu perkara yang di luar tabi'i seperti meminum arak, mengambil dadah atau sebagainya tetapi ia membawa kepada elemen keindahan yang terdapat dalam kesenian. Sebagai contoh, dalam dunia seni tari khususnya mendorong kepada perasaan gembira apabila muzik yang dimainkan menimbulkan keseronokan kepada penonton. Hiburan seni kesenian bukanlah suatu perkara yang biasa-biasa sahaja. Hal ini jika dilihat dengan lebih teliti berkenaan dengan seni tari bukan sahaja melibatkan irama pergerakan dan muzik semata-mata. Namun, disebalik seni tari itu ia mampu membentuk sahsiah diri pemain. Sebagai contoh, dalam seni tari khususnya mampu mendidik pemain untuk datang ke latihan pada waktu yang ditetapkan dan mengikuti peraturan yang telah ditetapkan (Fazurawati Che Lah, 2017). Perkara ini dapat memperlihatkan samada seseorang itu berdisiplin ataupun tidak. Tambahan pula, secara lumrahnya manusia sering tertarik dengan elemen keindahan tidak kira dalam apa jua bentuk sekalipun.

KELANTAN

1.1.1 Dunia Seni Tari

Salah satu bidang yang mendapat perhatian ramai ialah bidang seni tari. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya kewujudan kelab yang berkaitan seni tari seperti kumpulan Hamdolok yang bertapak di Batu Pahat, Johor. Dengan kewujudan kelab tarian seperti ini ia bukan sahaja mampu menarik minat masyarakat malah ia mampu memelihara seni tari itu daripada mati ditelan zaman. Dari hari ke hari, ahli kumpulan seni tari giat berusaha sedaya upaya untuk mencipta tarian-tarian yang baru agar ia mampu menarik minat generasi kini yang sudah tenggelam dengan pengaruh Barat. Misalnya, budaya Kpop yang melonjak naik sudah semestinya menarik minat generasi kini khususnya dalam bidang tarian. Buktinya menurut keratan akhbar yang diterbitkan oleh MStar (2021) yang menyatakan bahawa negara Malaysia menduduki tangga ke-10 yang mana masyarakatnya sangat obses dengan budaya Kpop.

Untuk mendalami sesuatu perkara itu, mereka perlu mengenali sesuatu kesenian itu terlebih dahulu. Dalam seni tari, salah satu contohnya adalah perlu untuk mengenali ciri-cirinya, bentuk dan coraknya. Hal ini kerana dalam seni tari, terdapat peraturan yang perlu dipatuhi dan larangan yang tidak boleh dibuat dalam seni tari. Uniknyanya seni tari tersebut merupakan salah satu khazanah turun-temurun daripada nenek moyang yang tidak ternilai hasilnya.

Tuntasnya, jika dilihat, hampir semua tarian yang terdapat di Malaysia mempunyai iringan muzik yang khas. Tambah pula, muzik-muzik yang dimainkan seiring dengan alat muzik tradisional yang dipalu mengikut rentak. Tidak terkecuali juga pakaian yang dipakai oleh penari yang disediakan secara khas bagi sesebuah tarian tersebut. Di samping itu, dalam sesebuah seni tari terdapat unsur mistik atau kepercayaan yang mesti dipatuhi. Tujuannya agar sesebuah tarian yang ditarikan dapat berjalan dengan lancar. Kesemua pemuzik dan penari yang terlibat hendaklah mematuhi peraturan dalam sesebuah tarian bagi mengelakkan sesuatu perkara buruk daripada berlaku. Oleh kerana itu, perasaan hormat hendaklah diterapkan di dalam diri setiap individu tentang setiap kesenian yang ada.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara umumnya, masyarakat Jawa mempunyai pelbagai jenis tarian. Salah satunya ialah tarian Hamdolok. Tarian Hamdolok lebih dikenali sebagai 'Masadeka' dikatakan telah dibawa masuk oleh Encik Rahmat atau lebih dikenali sebagai Rahmat Wayang. Pada mulanya, tarian ini diperkenalkan di Singapura. Namun, atas sebab tertentu, beliau kemudiannya telah berhijrah ke Malaysia dan menetap terus di Batu Pahat, Johor.

Menurut Encik Rahmat, tarian Hamdolok merupakan cerita-cerita yang telah disampaikan oleh Haji Osman Jahit kepada beliau. Menurutnya, Haji Osman Jahit telah pergi ke Mekah untuk menuntut ilmu tetapi niat menuntut ilmu tersebut terpaksa dibatalkan kerana beliau kekurangan wang. Kemudian, atas sebab berkenaan, Haji Osman Jahit telah bekerja di Mekah sebagai seorang tukang jahit dan dalam pada masa yang sama, beliau membuat keputusan untuk terus menetap di sana.

Pada suatu hari, apabila tiba Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W di Mekah, Haji Osman Jahit telah melihat bagaimana cara masyarakat Badwi menyambut hari tersebut dengan penuh pujian dan kesyukuran secara berarak. Hal ini kerana muzik yang dialunkan berbentuk syair atau zikir yang mana perkataan awal berbunyi 'Masadeka'. 'Ma' dan 'Sadeka' merupakan dua perkataan yang berbeza yang mana 'Ma' membawa maksud siapa manakala 'Sadeka' pula membawa maksud benar. Oleh itu, apabila dua perkataan ini disambungkan, ia membawa maksud 'Siapa yang benar', 'Barang yang benar' atau 'Mana yang benar'.

Perkataan ini asalnya diucapkan oleh masyarakat Badwi dalam bahasa Arab. Ia disebut berkali-kali dalam menyambut perarakan Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W dan dinyanyikan secara beramai-ramai. Oleh itu, perkataan 'Hamdolok, Holok, Holok' telah muncul yang membawa maksud pujian 'Alhamdulillah, Allah, Allah'.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Jika dilihat dengan mata kasar, tarian tradisional semakin lama semakin hilang seiring dengan perubahan teknologi. Hal ini terjadi atas beberapa sebab. Antaranya ialah pengaruh budaya luar. Sebagai contoh, kumpulan muzik yang bernama 'BTS' dari negara Korea Selatan telah mendapat perhatian daripada seluruh dunia disebabkan tariannya yang penuh bertenaga di samping muziknya yang menepati selera remaja masa kini. Tidak hairanlah jika ia menjadi kegilaan remaja masa kini sehinggakan ada yang sanggup menghafal muziknya dan setiap gerak-geri dalam tarian tersebut.

Selain itu, permasalahan yang dapat dilihat dalam kajian ini ialah sikap individu itu sendiri. Hal ini kerana terdapat sesetengahnya yang tidak mahu mewarisi warisan turun-termurun nenek moyang. Kebanyakan generasi muda masa kini tidak mengambil peduli tentang tarian tradisional ini kerana menganggap tarian tradisional ini sebagai sebuah tarian yang membosankan dan ketinggalan zaman. Terdapat juga sesetengahnya yang menganggap ia sebagai suatu perkara yang membuang masa.

Di samping itu, terdapat juga orang yang mahir dan berpengalaman dalam tarian Hamdolok ini yang tidak mahu berkongsi ilmu dengan golongan muda. Hal ini kerana orang yang mahir dan berpengalaman menganggap bahawa golongan muda tidak bersungguh untuk menyelami sesuatu kesenian itu. Disebabkan sikap yang tidak mahu berkongsi ilmu dengan golongan muda ini, sesuatu kesenian itu dilihat semakin lama semakin hilang ditelan zaman dan perkara ini turut terjadi kepada tarian Hamdolok.

Seterusnya, kesedaran masyarakat untuk memelihara tarian tradisional. Dalam sesebuah tarian itu ia menonjolkan identiti bagi sesebuah masyarakat berkenaan. Hal ini tidak terkecuali dengan tarian Hamdolok yang merupakan lambang identiti bagi masyarakat Jawa selain daripada tarian Zapin dan juga tarian Kuda Kepang. Oleh itu, ia merupakan lambang identiti bagi masyarakat Jawa.

Akhir sekali, masalah yang dilihat dalam kajian ini ialah pengaruh teknologi. Dalam konteks ini, teknologi membawa pengaruh yang sangat hebat dalam

masyarakat kini. Banyak media yang menyatakan bahawa kehidupan masyarakat kini terlalu bergantung dengan teknologi. Sebagai contoh, menerusi keratan artikel yang diterbitkan oleh Suara Merdeka (2021) menyatakan bahawa masyarakat kini terlalu bergantung kepada teknologi. Kesannya, ia menyebabkan bidang seni persembahan khususnya seni tari kurang mendapat perhatian masyarakat pada masa kini.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan kajian yang telah ditimbulkan oleh penyelidik. Antaranya ialah:

- i) Apakah pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor?
- ii) Bagaimana pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor?
- iii) Bagaimanakah penerimaan masyarakat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif kajian yang telah digariskan untuk kajian ini iaitu:

- i) Mengenalpasti pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor.
- ii) Mengkaji pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor.
- iii) Membincangkan sejauh mana penerimaan masyarakat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok.

1.6 SKOP KAJIAN

Negeri Johor mempunyai beberapa daerah dan salah satunya ialah daerah Batu Pahat. Daerah Batu Pahat mempunyai keluasan tanah sebanyak 187,775.00 hektar bersamaan dengan 464,002.17 ekar di samping mempunyai 14 mukim (Jabatan Perangkaan Malaysia Pejabat Tanah dan Galian, 2020). Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) menyatakan bahawa jumlah penduduk yang menetap di daerah Batu Pahat mencatatkan jantina lelaki memiliki populasi sebanyak 240,200 orang manakala jumlah penduduk yang menetap di daerah Batu Pahat bagi perempuan pula adalah sebanyak 231,700 orang. Oleh itu, keseluruhan penduduk di daerah Batu Pahat mencatatkan sebanyak 471,900 orang.

Daerah Batu Pahat berjarak sejauh 239 kilometer dari ibu negara Kuala Lumpur. Daerah lain yang berdekatan dengan Batu Pahat ialah daerah Muar yang terletak 50 kilometer ke bahagian utara. Daerah Kluang pula berada 52 kilometer di bahagian timur manakala Johor Bahru yang merupakan ibu negeri bagi Johor pula terletak lebih kurang 70 hingga 100 kilometer ke bahagian tenggara. Dalam pada masa yang sama, daerah Batu Pahat menghadap ke laut Selat Melaka.

Batu Pahat adalah sebuah bandar yang kini sedang membangun tidak kira dari pelbagai aspek. Kini, di daerah Batu Pahat juga mempunyai pelbagai kemudahan yang disediakan bagi memenuhi keperluan masyarakat berbanding dengan sebelum ini. Tambah pula, di daerah Batu Pahat juga mempunyai pewaris penggiat seni yang masih mengamalkan seni persembahan Hamdolok sehingga kini.

MALAYSIA
KELANTAN



Peta 1: Peta Daerah Batu Pahat, Johor

Sumber: *Google Image*




Gambar 1: Gambaran Persekitaran Daerah Batu Pahat, Johor

Sumber: *Google Image*

Bagi kajian ini, penyelidik memilih Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor sebagai lokasi kajian. Hal ini kerana di kampung ini sahaja masih lagi meneruskan tradisi seni persembahan Hamdolok di samping ia berdekatan dengan tempat tinggal penyelidik. Kampung Rahmat, Tanjung Labuh merupakan sebuah perkampungan kecil yang sebahagiannya terdiri daripada masyarakat Jawa. Jarak Kampung Rahmat ke pusat bandar kira-kira 13 kilometer dengan menaiki kereta.

KELANTAN



Peta 2: Peta Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor
Sumber: *Google Image*



Peta 3: Peta Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor
Sumber: *Google Maps*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 2: Papan Tanda Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor

Sumber: *Facebook*

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri yang mana ia memberi kesan kepada individu, masyarakat, institusi dan negara. Namun, sebagaimana yang digariskan, langkah ini penting dalam memelihara warisan seni persembahan Hamdolok yang merupakan identiti bagi masyarakat Jawa. Oleh itu, usaha dan peranan yang aktif hendaklah dimainkan bagi memelihara seni tari ini. Antara kepentingan yang digariskan adalah seperti yang berikut:

1.7.1 Individu

Sudah tentu ia sedikit sebanyak mempengaruhi diri individu itu terutamanya penyelidik sendiri yang mengkaji tentang tarian Hamdolok. Secara tidak langsung, semasa mengkaji berkaitan seni persembahan Hamdolok ini, penyelidik memperoleh maklumat dan input yang banyak berkenaan dengan kajian ini. Tarian ini tidaklah sepopular tarian Zapin.

Malah, ia tidak mendapat perhatian masyarakat pada masa kini. Apa yang dapat penyelidik lihat bahawa tarian ini semakin dilupakan disebabkan terdapat

persaingan yang sengit dengan tarian-tarian yang lain. Tidak dapat dinafikan bahawa pada suatu ketika dahulu tarian Hamdolok sememangnya terkenal dalam kalangan masyarakat Jawa. Malah, ia sering dipersembahkan dalam pelbagai acara. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat memberi panduan dan rujukan kepada sesiapa sahaja yang mengkaji tarian Hamdolok ini.

Hal ini kerana penyelidik sendiri pada mulanya tidak mendapat bahan dan rujukan yang banyak di internet. Kerana itulah penyelidik menggunakan sumber yang lain seperti sumber kepustakaan bagi memperoleh maklumat-maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan kajian. Akhir sekali, sudah tentu penyelidik mempunyai sikap bertanggungjawab untuk memelihara tarian ini. Malah, penyelidik boleh memperkenalkan kembali tarian Hamdolok kepada masyarakat setempat agar ia kembali hidup seperti masa dahulu.

1.7.2 Masyarakat

Masyarakat memainkan peranan yang besar dalam melindungi warisan negara tidak kira dalam apa jua aspek sekalipun. Masyarakat hendaklah bersatu padu dalam memelihara seni persembahan Hamdolok. Masyarakat boleh mempersembahkan semula tarian Hamdolok ini agar ia dapat menarik perhatian masyarakat setempat dan masyarakat luar untuk melihatnya. Seterusnya, masyarakat hendaklah berbangga bahawa dalam suatu seni persembahan yang dipersembahkan itu ia menonjolkan identiti bagi sesebuah masyarakat tersebut. Sebagai contoh, seni persembahan Hamdolok yang melambangkan identiti bagi masyarakat Jawa. Akhir sekali, seni persembahan Hamdolok ini hendaklah dipelihara oleh masyarakat agar ia terus terpelihara dari satu generasi ke satu generasi. Dengan ini, seni persembahan Hamdolok itu tidak hilang begitu sahaja disebabkan tiada pewaris bagi seni persembahan tersebut.

1.7.3 Institusi

Institusi yang terlibat seperti dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kepada para

pelajar tentang seni persembahan hendaklah diperluaskan lagi. Hal ini kerana perkara yang berkenaan dengan warisan dihadkan kepada pelajar yang mengambil jurusan warisan sahaja. Penerapan dalam subjek-subjek lain perlulah diterapkan seperti matapelajaran sivik dan kewarganegaraan yang mana ia dapat memupuk kesedaran bahawa betapa berharganya khazanah warisan yang terdapat di negara ini. Selain itu, didapati institusi-institusi yang terlibat kurang aktif untuk memperkasakan tarian Hamdolok ini.

Perkara ini jelas dapat dilihat apabila penyelidik hanya menjumpai satu sahaja kumpulan Hamdolok yang masih ada di daerah kajian penyelidik pada masa ini. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah memainkan peranan yang penting bagi memelihara seni persembahan termasuklah tarian Hamdolok ini supaya ia kembali hidup dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Malah, tarian Hamdolok juga hendaklah sentiasa dipersembahkan dalam acara keramaian agar ia kembali popular seperti masa dahulu.

1.7.4 Negara

Setiap negara kaya dengan seni warisan persembahan yang tersendiri. Diharap kajian ini dapat memberi kepentingan kepada negara seperti apa yang penyelidik harapkan. Persembahan Hamdolok merupakan satu persembahan yang unik yang mana ia mempunyai unsur masyarakat Badawi dari negara Arab. Oleh itu, dengan adanya pelbagai seni warisan di negara ini, ia dapat menarik pelancong dari dalam dan luar negara untuk melakukan pelbagai aktiviti pelancongan.

Dalam pada masa yang sama, kerjasama yang baik antara negara-negara lain dapat dicapai. Hal ini akan dapat meningkatkan ekonomi negara Malaysia selain inilah peluang untuk memperkenalkan tarian Hamdolok kepada masyarakat luar dengan lebih aktif lagi. Akhirnya, ia dapat membawa tarian Hamdolok ini ke aras yang lebih tinggi sehingga mampu mendapat perhatian masyarakat dunia.

1.8 KERANGKA TEORI

Penyelidik memilih teori Semiotik untuk kajian ini. Teori semiotik bermaksud kajian yang dijalankan mengenai 'tanda' dan perlakuan menggunakan 'tanda'. Ferdinand de Saussure (1857-1913) yang merupakan pengasas kepada teori semiotik telah mendefinisikan teori tersebut dalam kajiannya yang mana beliau menyatakan bahawa masyarakat mempunyai tanda-tanda dalam kehidupan. Rentetan itu, perkataan tersebut telah digunakan oleh ahli falsafah yang muncul pada abad ke-17 iaitu John Locke. Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, idea semiotik mula digunakan dalam bidang pembelajaran. Ia sering digunakan dalam karya yang dihasilkan seperti karya Saussure dan ahli falsafah Amerika yang bernama Charles Sanders Peirce.

Menurut Sikana (2001), teori semiotik ini merujuk kepada suatu ajaran mengenai tanda-tanda. Teori semiotik merupakan bidang kajian yang penting dalam kehidupan, kebudayaan dan juga komunikasi. Hal ini kerana, dalam seni persembahan ia menunjukkan interaksi antara para penari dan juga para penonton. Untuk menjayakan suatu seni persembahan itu, ia melibatkan gabungan lambang lisan dan lambang bukan lisan. Dengan adanya kedua gabungan ini, penonton yang menonton seni persembahan dapat menginterpretasikannya ke dalam bentuk yang dapat dibayangkan. Dalam pada masa yang sama, penonton juga dapat memahami apa yang dipersembahkan.

Bagi Jonathan Culler (1981), objektif dalam menganalisis teori semiotik bukan sahaja mengandungi penghuraian semata-mata tetapi turut mengupas dan membongkar sistem tanda yang terkandung. Dalam pada masa yang sama, ia dapat menentukan semua makna yang berhubung dalam apa yang disampaikan dalam sesebuah kajian. Oleh itu, dengan kehadiran sistem tanda ini atau lebih dikenali sebagai teori semiotik ia dilihat sebagai satu asas yang mana apa yang diujahkan dalam budaya dan sosial tentang cara penggunaannya mempunyai kepentingan dalam sesebuah perhubungan. Hal ini kerana dalam setiap perhubungan itu wujudnya komunikasi antara satu sama lain. Perkara ini dikaitkan dengan sistem tanda.

Apabila terlibat dalam seni persembahan samada secara langsung atau tidak langsung, ia seperti berada di dalam dunia yang berlainan. Setiap apa yang diperlihatkan dalam suatu seni persembahan, ia tidak boleh berdiri dengan sendirinya untuk menggambarkan ia membawa makna yang tersirat di sebaliknya. Ia harus dilihat secara menyeluruh dengan elemen-elemen lain yang terdapat dalam seni persembahan melalui konteks yang tertentu. Sebagai contoh, gerak-geri dalam tarian, isyarat yang digunapakai dalam tarian oleh ketua penari kepada penari dan pemuzik, mimik muka dan bahasa digabungkan bersama lalu digunakan untuk menunjukkan keseluruhan makna dalam suatu seni persembahan itu.

1.9 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam bahagian ini, penyelidik membincangkan perkara-perkara yang terkandung dalam bab 1. Antaranya ialah pengenalan yang mana penyelidik menerangkan serba sedikit tentang kesenian dalam kehidupan dan juga dunia seni tari. Bagi latar belakang kajian pula, asal-usul seni persembahan Hamdolok. Pelbagai input penting telah dimasukkan ke dalam latar belakang kajian ini beserta beberapa pecahan lain turut dibincangkan seperti persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta kerangka teori.

Oleh itu, diharap perkara-perkara yang dikemukakan dalam kajian ini dapat memberi manfaat kepada penyelidik-penyelidik akan datang. Selain itu, ia dapat memberi manfaat kepada individu, masyarakat, institusi dan negara pada masa kini dan akan datang mengenai tarian Hamdolok ini. Tarian-tarian yang ada di negara ini hendaklah dipelihara dengan lebih giat lagi tidak kira tarian tersebut bersifat kedaerahan ataupun sejenis tarian rakyat. Malah, tarian tradisional yang sudah tentu lama bertapak dalam sesebuah masyarakat itu dilihat telah memberi kesan yang mana tidak ada tarian yang pupus ditelan zaman meskipun berlaku perkembangan sains dan teknologi yang pesat pada masa kini.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Di bahagian ini, penyelidik akan mengemukakan perkara berkaitan sorotan kajian. Sorotan kajian merupakan suatu pernyataan atau fakta yang menyokong sesuatu objektif yang telah dikemukakan. Ia dapat membuktikan bahawa teori yang digunapakai bukanlah rekaan semata-mata. Di dalam bahagian sorotan kajian ini, ia mengandungi beberapa bahagian yang penting. Antaranya ialah pemakluman, kaedah, falsafah, penilaian dan hasil daripada penyelidikan berdasarkan tajuk yang telah dipilih oleh penyelidik. Petikan daripada pakar boleh dijadikan sumber rujukan yang dapat diperolehi dari artikel, pendapat, keratan akhbar, artikel, petikan jurnal dan lain-lain lagi. Kajian lepas berkaitan dengan tajuk penyelidik merupakan kupasan info dan maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber yang sahih bagi menjalankan sesuatu kajian yang terkini (Amani Dahaman, 2011). R. Kumar (2011) menyatakan bahawa kajian lepas dapat memberikan hasil yang penting dalam menjadikan kajian penyelidik terarah dan mencapai apa yang digariskan oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian.

Selain itu, sorotan kajian lepas merupakan hasil penyelidikan yang teliti dijalankan oleh penyelidik dengan meneliti pendapat pakar tentang apa yang dikaji. Dengan ini kajian yang dijalankan oleh penyelidik akan lebih teratur. Dalam pada

masa yang sama, ia dapat memudahkan penyelidik dalam membuat rujukan tentang perkara yang berkaitan (Fink, 1998). Sorotan kajian lepas merupakan suatu analisis yang dibuat oleh penyelidik dengan lebih mendalam bagi menyelesaikan permasalahan kajian yang dihadapi (Berg, 1998).

Seterusnya, kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkait rapat dengan proses pengenalan sesuatu kajian dan proses analisis daripada bahan penulisan yang telah dirujuk oleh penyelidik (Blanche & Durrheim, 1999). Tambahan pula, kajian lepas merupakan suatu kependekan dan pentaksiran secara terperinci mengenai bahan-bahan rujukan yang diperoleh dalam menjalankan sesuatu kajian atau permasalahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan (Blaxter, Hughes & Tight, 2002).

Tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa kesemua pendapat-pendapat yang diutarakan mempunyai perbezaan. Oleh hal yang demikian, sorotan kajian merupakan proses penelitian dan pemahaman yang dilakukan secara mendalam hasil kajian dan penulisan yang lepas yang mana ia saling berkait antara satu sama lain dengan persoalan kajian yang akan dikaji oleh penyelidik pada masa kini. Hasil daripada proses penelitian dan pemahaman yang dilakukan secara mendalam memperlihatkan bagaimana ruang-ruang kosong dalam pengetahuan secara tidak langsung dipikul oleh penyelidik pada masa kini. Perkara tersebut hendaklah dibuat secara lengkap. Rentetan itu, dalam pada masa yang sama, ia turut memberi maklumat kepada penyelidik tentang perkara yang berkaitan yang mana secara tidak langsung juga dapat membantu penyelidik untuk menjayakan kajian yang dilakukan dengan lebih berkesan dan efektif.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Seperti yang sudah sedia maklum, melalui sorotan kajian ini, penyelidik akan mengemukakan maklumat penting yang telah dikaji oleh penyelidik lain dalam bidang yang berkaitan. Oleh itu, penyelidik akan menggunakan sumber-sumber seperti di dalam artikel, jurnal, akhbar atau pernyataan daripada seseorang yang pakar dalam sesuatu bidang tersebut.

2.2.1 Maksud Secara Umum Mengenai Asal-Usul Tarian

Dalam sejarah tarian dunia yang tersohor iaitu Sachs (1937) mencatatkan bahawa kebanyakan penulis sejarah tarian di dunia ini tidak dapat menyebut tarikh yang tepat bagi asal-usul sesebuah tarian. Jika kita ingin bertanyakan asal-usul tarian, Rust (1969) berpendapat bahawa asal-usul tarian boleh dijejak sehingga ke detik asal-usul manusia itu sendiri. Cass (1993) pula, melaporkan bahawa tarian rakyat sudah muncul sejak zaman prasejarah lagi. Begitu juga dengan Adshead-Landsale & Layson (1994) yang melaporkan bahawa sejarah umum bagi sesebuah tarian berkait rapat dengan satu jangka masa yang panjang dan selalu bermula dengan spekulasi terhadap fungsi tarian pada zaman prasejarah tersebut.

Dari segi kepentingannya, Rochman (2009) dalam kajiannya merumuskan bahawa untuk memahami lebih mendalam tentang definisi seni tari, maka seseorang penyelidik harus menerokai sejarah penciptaan tarian terlebih dahulu. Jika diteliti, terdapat beberapa penyelidik sejarah tarian barat dan timur yang membincangkan sejarah tarian sejak dari tamadun awal manusia. Sachs (1937) sebagai contoh membincangkan sejarah tarian pelbagai bangsa di dunia. Dalam kajian Sachs (1963) mendapati bahawa tarian adalah salah satu bentuk seni yang tertua dan boleh dianggap sebagai ibu kepada bidang seni. Pada awal kebudayaan manusia, tarian ialah seni persembahan yang muncul sebelum bentuk seni atau ilmu pengetahuan lain muncul. Pernyataan Sachs (1963) ini turut dinyatakan oleh Peterson (1997), yang mengkaji tentang antropologi tarian. FX Widaryanto (2007) yang menterjemahkan buku Peterson (1997) mengungkapkan bahawa tarian dianggap sebagai seni yang paling tua. Terdapat bukti tarian daripada lukisan tua yang berusia 9000 tahun yang dijumpai di Shelter Rock of Bhimbetka, India serta lukisan pada makam yang berusia 3300-SM di Mesir yang menggambarkan seorang penari (FX Widaryanto, 2007). Daripada catatan Sachs (1937) & Peterson (1997), jelas bahawa tarian ialah satu jenis seni yang muncul sejak dari zaman purba lagi.

2.2.2 Maksud Secara Umum Mengenai Tarian

Menurut Ensiklopedia Titanica (2022) menyatakan bahawa tarian adalah tarian, tindakan atau cara menari yang kebiasaannya mengikuti irama muzik. Tarian merupakan salah satu manifestasi artistik kemanusiaan tertua dalam banyak budaya, ia mempunyai nilai simbolik, ritual dan perwakilan. Tarian ini dilakukan untuk tujuan rekreasi, sosial, keagamaan dan seni. Beberapa elemen yang membentuk tarian adalah irama, pergerakan, ekspresi badan, gaya dan ruang. Secara kolokial, frasa ‘dalam tarian’ bermaksud pergerakan, aktiviti atau pergerakan yang berterusan. Contohnya ialah ‘saya telah menari sepanjang hari’.

Ang (1998) pula berpendapat dalam suatu seni persembahan itu kebanyakannya dipengaruhi oleh beberapa budaya seperti budaya daripada Hindu Buddha, budaya Islam itu sendiri dan akhirnya budaya Barat yang kini sedang menyebarkan di Malaysia. Di samping itu, pengaruh budaya Indonesia, Thailand dan China juga dapat dilihat dalam beberapa bentuk seni persembahan tradisional (Mohamed Ghouse Nasaruddin, 1992).

Francis Rust (1969) mentakrifkan tarian sebagai pergerakan tubuh badan dalam *rhythm* yang tertentu. Sementara itu, Soedarsono (1974) pula menyatakan tarian itu adalah ekspresi semangat manusia berasaskan gerak-geri yang menarik. C. Sachs (1963) pula mendefinisikan tarian sebagai gerakan yang mempunyai irama. Daripada seni tari tersebut, gerakan yang dibuat melambangkan kebudayaan dalam sesuatu masyarakat dan secara tidak langsung ia menggambarkan perasaan jiwa manusia itu.

Seni tari yang terdapat di Malaysia sangatlah kaya dengan keunikannya yang tersendiri. Keunikan tarian yang terdapat di Malaysia itu dapat dilihat apabila rata-ratanya dipengaruhi oleh pengaruh luar dan kemudiannya diubahsuai oleh masyarakat setempat sesuai dengan gaya masyarakat tersebut. Salah satu tarian yang menerima pengaruh luar ialah tarian Hamdolok. Ia dikatakan dibawa dari tanah suci Mekah dan masuk ke dalam negara ini menerusi perdagangan. Menurut Mohammad Yaqin

(2013), budaya Arab telah mempengaruhi budaya Melayu dalam pelbagai bidang. Salah satunya ialah dalam bidang tarian.

Dalam seni persembahan yang berbentuk teater tradisional seperti Wayang Kulit, tarian Hamdolok, Mak Yong, Mek Mulong, Jikey dan Dikir Barat aspek latar belakang seni persembahan tersebut dan juga bagaimana tersebarnya seni persembahan tersebut secara ringkas dan padat (Mohd Ghazali, 1995 & Mohamed Ghouse, 2003).

Tarian ini dipersembahkan semasa berlakunya majlis keramaian atau pesta, pertunjukan seni dan di rumah-rumah seperti kenduri-kendara. Seni persembahan Hamdolok apabila dipersembahkan mengandungi unsur-unsur seni nyanyian, tarian serta permainan muzik (Ensiklopedia, 2017). Selain itu, dalam seni persembahan Hamdolok bagi setiap ahli kumpulan, ia terdiri antara 15 hingga 20 orang, memainkan peranan masing-masing mengikut jenis watak, pakaian serta alat muzik yang mereka mainkan.

Jabatan Warisan Negara (2021) menyatakan bahawa seni persembahan mengandungi unsur lakonan, tarian, nyanyian, muzik, set, *props*, pencahayaan, mekap, pemujaan dan penonjolan unsur kekaguman di atas pentas. Suatu seni persembahan itu bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan semata-mata. Malah, ia berfungsi sebagai medium pendidikan kepada semua pihak tidak kira kepada individu, masyarakat mahupun institusi. Dalam seni persembahan juga terbahagi kepada beberapa kategori seperti opera, muzikal, moden dan lain-lain lagi. Dalam pada masa yang sama, menurut Husna Idris (2012) berpendapat bahawa seni persembahan yang berunsur tradisional hendaklah terus dilindungi dengan pelbagai usaha oleh pelbagai pihak dan diwarisi dari generasi ke generasi. Antara seni persembahan yang dimaksudkan di sini adalah seperti Mak Yong, Wayang Kulit, Bangsawan, Menora, Jikey, Hamdolok dan Mek Mulong.

Menurut Rowan K.Green (2022), unsur nyanyian, tarian dan iringan muzik didapati dalam seni persembahan Hamdolok. Hal ini kerana dalam tarian Hamdolok

terdapat nyanyiannya yang tersendiri serta diiringi alat muzik yang dimainkan oleh para pemain alat muzik. Perkataan ‘Hamdolak, Holok, Holok’ sering ditekankan dalam tarian Hamdolak yang membawa maksud ‘Alhamdulillah, Allah, Allah’. Perkataan tersebut seringkali ditekankan sewaktu Hamdolak dipersembahkan yang mana ia bertujuan untuk memuji Tuhan yang Maha Esa (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 2003).

Madiha Ramlan & M.A. Quayum (2010) berpendapat bahawa sebagai negara timur tengah, daripada Islam datangnya kandungan dramatik mereka. Penonton boleh memikirkan dua perkara iaitu kedua-duanya agak kecil dan jarang dilihat seperti Hadrah atau Hadrah Noge dan Hamdolak. Yang pertama, Hadrah atau Hadrah Noge dipersembahkan di Kedah adalah lanjutan bangsawan dengan gabungan lagu yang dikenali sebagai hadrah, yang biasanya dipersembahkan di majlis perkahwinan untuk menyambut tetamu dan pelawat. Hamdolak yang dipersembahkan di Johor adalah sejenis opera komik dengan tema dan estetika mencerminkan budaya timur tengah. Secara keseluruhan, pengaruh timur tengah, malah pengaruh Islam, kebanyakannya datang melalui Jawa dan boleh dilihat dalam bentuk muzik serta tarian seperti Dabus di Perak, Kuda Kepang, tarian Hobi-Kuda dan tarian Zapin yang aktif di Johor.

Nancy Nanney (2012) menyatakan bahawa tarian Hamdolak dipercayai berasal dari timur tengah dan dipersembahkan oleh masyarakat Badwi untuk meraikan Nabi Muhammad S.A.W. sempena hari jadinya. Di Malaysia, Hamdolak terkenal di Batu Pahat, Johor. Persembahan Hamdolak merangkumi elemen tempatan seperti penggunaan gendang (gendang) dan gambus (seruling asal Arab), serta menampilkan tradisi opera Melayu kebangsaan (bangsawan) berserta nyanyian ala-ala Arab dan menari tarian Zapin.

2.2.3 Maksud Secara Umum Mengenai Alat Muzik

Alat muzik yang digunakan kebiasaannya akan mengiringi tarian yang dipersembahkan. Seperti di negara-negara lain yang terdapat di dunia, Malaysia tidak ketinggalan untuk mempunyai budaya berhibur yang tersendiri. Masyarakat telah

lama mencipta pelbagai alat bunyi-bunyian untuk mengiringi sesuatu persembahan yang dipersembahkan tidak kira bersifat persembahan diraja atau majlis-majlis yang tertentu (Maruwiah Ahmat, 2014).

Menurut Ensiklopedia (2020), alat muzik bermaksud sesuatu alat yang digunakan secara khas bagi menghasilkan alunan muzik. Alat muzik merupakan istilah yang umum bagi sebuah alat yang digunakan dalam pembuatan alunan muzik bagi manusia. Walaubagaimanapun, apa yang dimaksudkan dengan muzik dan apa jua pembuatan muzik berbeza-beza mengikut zaman, era, budaya dan bangsa (Digitalio, 2018).

Menurut Norsuhaila Ibrahim (2022), alat muzik melambangkan estetika dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, tujuan alat muzik bukanlah sebagai satu bentuk hiburan semata-mata. Malah, alat muzik dapat dijadikan sebagai bahan perantara bagi menyebarkan maklumat dan pembentukan sahsiah dalam diri setiap individu.

Perkataan muzik dikatakan berasal daripada perkataan Yunani iaitu *mousike*, kemudian diikuti oleh perkataan Latin yang berbunyi *musica*. Menurut orang Yunani, perkataan *mousike* merangkumi segala kegiatan manusia yang melahirkan rentak irama atau bunyi yang harmoni kerana semua itu dinaungi oleh dewi mereka iaitu Dewi Muse (Hamidah Husain & Mohamed Roselan Malek, 1995). Menurut pengalaman orang Melayu pula, muzik adalah hasil yang lahir daripada penggunaan segala alat permainan. Perkara ini jelas di petikan berikut:

“Pertama-tama Datuk Bendahara Seri Maharaja mengeluarkan segala permainan aneka jenisnya: rebab, kecapi, dandi, muri, serdam, kopak, ceracap. Daripada itu, segala jenis aneka permainan”

(Tardjan Hadidjaya, 1964)

Alat muzik tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang terdahulu telah

dikenal pasti sebagai ‘budaya masyarakat’ di kawasan yang tertentu sahaja. Sebagai contoh, alat muzik Gambus yang mana ia telah diangkat sebagai salah satu warisan yang terdapat di negeri Johor.

2.2.4 Maksud Secara Umum Mengenai Warisan

Warisan membawa pengertian yang amat luas. Warisan merupakan sesuatu yang diperturunkan oleh masyarakat terdahulu untuk diwarisi daripada generasi ke generasi. Tidak kira ia dalam bentuk yang bagaimana. Warisan juga mengandungi skop yang luas di mana ia boleh merujuk kepada budaya, seni persembahan, muzik, tarian, upacara dan lain-lain lagi (Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia, 2022).

Warisan budaya ialah peninggalan artifak fizikal dan ciri tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi daripada generasi terdahulu, dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk generasi akan datang. Warisan-warisan ini termasuk budaya ketara seperti bangunan, monumen, buku, hasil seni dan artifak. Manakala, bagi warisan tidak ketara adalah seperti cerita rakyat, tradisi, bahasa dan pengetahuan) serta warisan semulajadi seperti hutan, tasik dan lain-lain lagi (Ensiklopedia Bebas, 2018).

Untuk menguatkan lagi hujah berkenaan, ia disokong dengan akta yang sudah tertakluk di dalam Akta 179 Harta Benda Purba 1976 yang menyatakan bahawa warisan merujuk kepada apa sahaja yang ditinggalkan oleh masyarakat zaman dahulu tidak kira apa jua bentuk.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 menjelaskan bahawa warisan adalah seperti warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Maksud ini terkandung di dalam Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan. Ketiga-tiga definisi itu menjelaskan bahawa warisan adalah satu peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil perbuatan tangan, pemikiran, falsafah dan kreativiti

mereka. Ini yang menggambarkan warisan itu adalah cara masyarakat meneruskan kehidupan dan mengubahsui mengikut situasi dan cabaran hidup. Secara keseluruhannya, warisan merangkumi skop yang luar termasuklah seni persembahan juga ia dianggap sebagai salah satu warisan yang terdapat di negara kita.

2.2.5 Maksud Secara Umum Mengenai Seni Persembahan

Warisan seni masyarakat Malaysia sememangnya luas. Namun begitu, alat muzik tradisional kekal sehingga ke hari ini mengiringi alunan muzik sewaktu sesebuah tarian dipersembahkan. Oleh itu, setiap negeri di Malaysia mempunyai muzik tradisionalnya yang tersendiri. Misalnya, di negeri Johor terkenal dengan alat muzik Gambus. Lantaran itu, alat muzik Gambus ini digunapakai semasa tarian Hamdolok dipersembahkan (Suziyana binti Ismail, 2006).

Seni persembahan terbahagi kepada dua kategori iaitu seni persembahan moden dan tradisional. Dalam sesebuah seni persembahan ia mengandungi penceritaan yang tersurat dan tersirat. Jadi, mereka akan mengadaptasikannya ke dalam bentuk tarian, muzik, persembahan dan sebagainya. Untuk menguasai suatu kesenian itu, mereka perlulah mempunyai minat dan bakat yang mendalam. Dengan ini ia akan mendorong seseorang itu untuk tergolong dalam orang-orang seni (Jusoh, 2014).

Ensiklopedia (2022) berpendapat bahawa seni persembahan ialah seni yang merangkumi muzik, tarian dan drama. Sesebuah seni persembahan kebiasaannya dipersembahkan kepada para penonton. Persembahan boleh dibuat di dalam sesebuah bangunan yang dibina khas seperti teater dan opera, di pentas terbuka dan tertutup pada acara keraian, di pentas dalam khemah seperti sarkas dan di jalanan. Oleh itu, dalam suatu seni persembahan yang dibuat ia dapat memberi hiburan kepada para penonton.

Jabatan Warisan Negara (2020) menyatakan bahawa seni persembahan merangkumi hubungan, ruang, masa dan tempat. Ia juga melibatkan hubungan secara

langsung kepada penonton yang menyaksikan suatu seni persembahan tersebut. Dalam suatu seni persembahan kebiasaannya ia dilakukan secara spontan, mengikut jalan penceritaan yang telah dibuat atau pun tidak. Seni persembahan juga boleh dilakukan di mana-mana sahaja yang sesuai dan tidak mengira waktu yang ditetapkan untuk membuat persembahan. Akhir sekali, dalam suatu seni persembahan itu sudah tentu terdapatnya emosi untuk disampaikan supaya penonton turut merasainya.

2.2.6 Maksud Secara Umum Mengenai Kebudayaan

Kebudayaan juga dikenali sebagai budaya yang datang daripada bahasa Sanskrit iaitu 'Buddayah' yang membawa maksud budi dan akal manusia. Dalam pengertian yang luas pula ia membawa maksud sesuatu yang dibawa oleh manusia sama ada ia merujuk kepada individu atau pun masyarakat, bertentangan dengan hukum alam yang bukan dilahirkan atau boleh ditukar oleh manusia. Kebudayaan juga disebut sebagai *culture*. Ia berasal daripada perkataan Latin *Colere* yang membawa pengertian melakukan atau menempatkan. Kebudayaan berkait rapat dengan masyarakat.

Menurut Melville J. Herskovits & Bronislaw Malinowski berpendapat kebudayaan dalam sesuatu masyarakat itu melambangkan tentang apa yang dimiliki tidak kira dalam apa jua bentuk sekalipun. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) berpendapat bahawa kecepatan dalam daya fikir, akal budi, tingkah laku dan sebagainya. Oleh itu, budaya merujuk kepada cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat tertentu yang mana ia melibatkan susunan sosial, politik, ekonomi, kepercayaan, adat resam, agama, perilaku dan nilai.

Ralph L. Beals & Harry Hoiijer dalam buku yang bertajuk '*An Introduction to Antropology*' menyatakan kebudayaan dapat diperoleh daripada hasil pemerhatian sesuatu kumpulan masyarakat. Menurut Edward B. Taylor dalam buku '*Primitive Culture*', kebudayaan dilihat sebagai suatu sistem yang rumit di mana ia mengandungi pelbagai unsur seperti kepercayaan, seni, moral, pengetahuan, undang-undang dan adat istiadat. Lucy Mair dalam bukunya yang berjudul '*An Introduction to Social Anthropology*' menyatakan bahawa kebudayaan ialah hak bersama yang dipunyai oleh

sesebuah masyarakat dimana mereka mempunyai adat yang sama.

Ibnu Khaldun pula berpendapat bahawa budaya merujuk kepada hal yang biasa dilakukan dalam hidup. Manusia mempunyai akal fikiran dan daya fikir yang mana ia membantu untuk saling memahami antara satu sama lain. Dalam pada masa yang sama, manusia akan mudah untuk menyesuaikan diri mengikut keadaan sekeliling. Lantas, proses pengadaptasian ini akan membantu manusia untuk mencetuskan budaya yang berlainan mengikut kawasan.

2.2.7 Maksud Secara Umum Mengenai Pemeliharaan

Sesuatu seni warisan itu hendaklah dipelihara agar ia berkekalan dari zaman ke zaman. Malah, ia dapat diwarisi oleh generasi secara turun-temurun dan secara tidak langsung ia menjadi sebuah khazanah negara yang tidak ternilai. Menurut sebuah artikel yang diterbitkan oleh akhbar Mstar (2010) menyatakan bahawa usaha melindungi dan memelihara sejarah negara perlu diteruskan kerana ia akan dapat menggambarkan betapa nilai sejarah itu disanjung dan dihayati oleh orang ramai terutama bagi generasi akan datang.

Menurut Fatrina Ismail (2013), tindakan melindungi sumber-sumber di bumi tersebut amat penting supaya dapat dikekalkan keadaan semulajadinya. Pemeliharaan membawa pengertian yang lebih mendalam lagi dari hanya melihat peranan menjadi sumber tarikan pelancongan. Pengertian sebenarnya adalah berkait terus dengan pemahaman mengenai kepentingan tempat dalam kehidupan kita (Marquis-Kyle et al, 1992). Tidak kiralah pemeliharaan dalam bentuk yang bagaimana tetapi dalam perkara ini ia berkait dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik iaitu tarian Hamdolok. Oleh itu, kesemua jenis seni persembahan yang terdapat di negara ini hendaklah dipelihara dengan sebaiknya kerana ia merupakan warisan negara di samping dapat memperlihatkan seni persembahan yang terdapat di negara ini kepada masyarakat luar.

Pemeliharaan bertujuan untuk selamat daripada kecederaan, kemudaratan atau

kemusnahan. Istilah ini berasal dari perkataan Latin iaitu 'Prae' dan 'Servare'. 'Prae' adalah varian kuno dari awalan 'Pre' yang bermaksud sebelum, lebih awal atau sebelum. 'Servare' adalah berasal dari 'Servo' yang bermaksud mengawasi, memelihara, melindungi, mengekalkan, menjaga, menyelamatkan atau menyimpan. Berdasarkan takrifan ini, pemeliharaan merangkumi perlindungan ke atas sumber semulajadi untuk generasi kini dan juga kepada generasi akan datang.

2.2.8 Maksud Secara Umum Mengenai Pemuliharaan

Definisi ini menunjukkan bahawa pemuliharaan adalah konsep yang lebih luas berbanding pemeliharaan (Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Marina Ibrahim Mukhtar, Halizah Awang, Farah, Diyana Abu Bakar & Tun Ili Ayuni Ahmad Hariri, 2019).

Pada zaman teknologi yang semakin pesat ini, dapat dilihat bahawa unsur tradisional semakin tergugat. Malah, hiburan moden semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat (Wan Abdul Kadir, 1990). Hal ini demikian kerana hiburan moden lebih menarik minat masyarakat berbanding dengan hiburan tradisional. Oleh itu, pemuliharaan dalam seni persembahan yang terdapat di negara ini hendaklah dipulihara dengan sebaiknya agar ia tidak hilang begitu sahaja. Biarlah hiburan tradisional popular seiring dengan hiburan moden pada masa kini.

2.2.9 Tarian Sebagai Hiburan Masyarakat

Wan Abdul Kadir Yusoff (1985) berpendapat tarian berfungsi sebagai alat hiburan dalam kalangan masyarakat. Dalam seni persembahan ia menunjukkan interaksi antara penari dan penonton dalam menyampaikan penceritaan yang terkandung. Tarian terdiri daripada unsur-unsur seni yang mana ia mempunyai kepentingan dalam kalangan masyarakat. Tarian saling berkait dengan apa yang dilalui oleh seseorang individu itu dan hierarki dalam sosial seperti hubungan antara kelas, tingkah laku dan sejauh mana teknologi yang dihadapi. Secara ringkasnya, tarian dapat melambangkan sejauh mana kemajuan teknologi yang dihadapi dalam sesebuah

masyarakat itu. Oleh itu, tarian bertujuan untuk menghiburkan masyarakat setempat dan dapat mengisi masa lapang dengan sebaiknya.

2.2.10 Tarian Sebagai Lambang Identiti Bagi Sesebuah Masyarakat

Teater, seni tari, muzik, seni halus dan teknik perfileman merupakan asas dalam dunia seni dan menjadi pelengkap untuk menjadikan kehidupan lebih berkualiti (Fazurawati Che Lah, 2017).

Rahmat (1989), budaya termasuklah tarian memberi identiti terhadap sesuatu masyarakat itu dan hal ini membolehkan masyarakat lain mengenali budaya masyarakat lain melalui perbezaan ataupun keunikan yang dimiliki oleh mereka. Halina Sendera, 2003; 2005; 2007 identiti budaya yang terdapat pada seseorang individu itu boleh diperolehi secara formal dan tidak formal. Oleh itu, identiti yang terdapat seseorang itu tidak boleh dibuang atau diubah sejak dari kecil lagi. Ia sudah tersemat dalam diri seseorang individu itu. Identiti budaya dalam masyarakat boleh ditonjolkan menerusi pelbagai kaedah. Antaranya ialah:

i) Pakaian

Menurut Kamus Dewan Pelajar dan Pustaka (1984) pakaian ialah apa sahaja yang boleh dipakai pada anggota badan. Ensiklopedia Bebas (2021) berpendapat bahawa pakaian ditakrifkan sebagai penutup untuk melindungi anggota badan dari sinaran matahari yang terlampau, cuaca yang rendah, melindungi diri daripada cedera dan keadaan persekitaran.

Namun begitu, setiap pakaian membawa maksud yang tersendiri. Sebagai contoh, warna merah yang pada pakaian masyarakat Cina membawa maksud yang tersendiri. Hal ini demikian kerana pada pandangan masyarakat Cina, warna merah melambangkan tuah.

ii) Bahasa Yang Digunakan

T. Iskandar (1994) bahasa merupakan suatu alat perhubungan yang membolehkan seseorang individu itu berinteraksi antara satu sama lain. Bloomfield (1987) mendefinisikan bahasa sebagai pertuturan yang muncul dalam sesebuah masyarakat. Tambah beliau, bahasa terdiri daripada unsur vokal yang kebiasaannya disebut sebagai bentuk linguistik.

Kamarudin Hj. Husin (1998) mengkategorikan bahasa mengikut fungsinya iaitu sebagai alat untuk berinteraksi antara seseorang individu dengan individu yang lain untuk berhubung dengan mengeluarkan bait-bait kata. Abdullah Hassan (1992), mendefinisikan bahasa merupakan alat perhubungan yang sangat penting untuk berinteraksi.

Menurut Hanim Mohd Salleh (2021) pula, makna di sebalik gerak tari adalah penting untuk memahami bahasa dan istilah gerak tari yang telah lama menjadi penghubung antara para penggiat seni dalam negara-negara rumpun Melayu.

2.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan oleh penyelidik khusus untuk mengetahui tentang tarian Hamdolok yang mana ia dikategorikan sebagai salah satu tarian yang popular yang ditarikan di negeri Johor pada suatu ketika dahulu. Justeru itu, penyelidik berpandangan bahawa tajuk yang diutarakan oleh penyelidik adalah relevan dan memenuhi kriteria sebagai salah satu kajian baru bagi mengembangkan lagi tentang tarian yang dikaji.

Tarian yang sememangnya terkenal pada satu masa dahulu tidak semuanya mudah didapati pada masa kini atas beberapa faktor seperti kehilangan pewaris bagi tarian tersebut. Terdapat juga tarian yang dipersembahkan secara eksklusif yang tidak dipertontonkan kepada masyarakat. Malah, terdapat juga tarian yang dipersembahkan bersifat kedaerahan yang mana ia dipersembahkan di beberapa daerah tertentu sahaja.

Namun, apa yang pasti, semua tarian yang terdapat di Malaysia bersifat kenegerian kerana tidak terdapat di negeri lain. Ada juga yang bersifat kedaerahan dimana tarian tersebut hanya didapati di daerah tersebut sahaja. Jika diperhatikan, hanya sebahagian sahaja yang masih dipersembahkan sehingga kini seperti Dikir Barat, Boria, Wayang Kulit, Gamelan, Kuda Kepang, Caklempong dan Ghazal. Manakala Jikey, Mek Mulong, Hamdolok dan beberapa tarian lain sukar untuk ditonton kerana persembahannya yang sangat terhad (Maruwiah Ahmat, 2014).

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) metodologi kaedah atau prinsip yang digunakan dalam membuat sesuatu perkara. Dalam bahagian ini, penyelidik akan menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai metodologi kajian. Metodologi kajian ialah cara, kaedah, jalan, ragam, rentak, corak, sistem, pendekatan atau teknik yang digunakan melalui pengumpulan data untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, metodologi kajian akan membuatkan kajian penyelidik menjadi lebih bersistematik selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Penyelidik telah membuat perancangan dengan teliti bagi mendapatkan maklumat dan data melalui beberapa kaedah.

Menurut Ruhizan Mohammad Yasin (2010), bagi mendapatkan data yang berkualiti penyelidik perlu merancang dengan teliti berkenaan dengan reka bentuk yang bersesuaian dengan kajian penyelidik. Tujuan metodologi kajian dibuat adalah untuk membantu penyelidik memahami dengan lebih luas dan mendalam lagi dalam mengadaptasikan kaedah yang digunakan dalam kajian dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Menurut Hornby (1985), dalam setiap kajian sudah tentu ia mempunyai kaedah penyelidikan yang digunakan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan hasil kajian yang berkualiti dan terarah. Lantaran itu, penyelidik akan menggunakan pendapat yang diutarakan oleh tokoh tersebut dalam melengkapkan kajian ini.

3.2 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah pendekatan etnografi. Hal ini kerana dalam kajian penyelidikan, ia berkait rapat dengan kebudayaan. Menurut Sabitha Marian (2005), etnografi sebagai keterangan bertulis yang berkait rapat dengan sesuatu budaya yang merangkumi adat, tingkah laku dan kepercayaan. Info dan maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada kerja lapangan yang telah dibuat oleh penyelidik. Ia adalah kajian deskriptif ke atas budaya, sub budaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat.

3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah rangka tindakan yang dibuat secara teliti tentang bagaimana penyelidik menjalankan sesuatu kajian itu dengan sebaiknya (Sabitha, 2006). Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang digunakan dalam kajian penyelidikan bagi mengumpulkan dan menganalisis data melalui kajian lapangan. Sementara itu, Creswell (2009) menyatakan bahawa reka bentuk kajian adalah agenda atau persiapan yang diutarakan bagi menjalankan sesuatu kajian yang mana ia melibatkan falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metodologi kajian.

Oleh itu, melalui reka bentuk kajian yang digunakan, ia dapat menjadikan kajian penyelidikan dengan lebih berkesan dan bermaklumat. Hal ini kerana, dalam memastikan sesuatu kajian itu berjaya atau tidak dalam penyelidikan yang dijalankan. Salah satunya ialah di bahagian metodologi kajian. Penyelidik menggunakan kaedah yang bersesuaian untuk menjayakan sesuatu kajian ini dengan lebih berkesan lagi. Reka bentuk kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian yang melibatkan penerokaan (Crawford & Irving, 2009). Reka bentuk kuantitatif sesuai bagi kajian deskriptif yang

bertujuan untuk membuat penjelasan (Robson, 2011). Dengan ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi menjayakan kajian ini.

3.3.1 Kualitatif

Kaedah kualitatif seringkali digunakan dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana, untuk mengukuhkan lagi sesuatu kajian itu, ia memerlukan sejumlah data yang dapat menguatkan lagi kajian yang dilakukan oleh penyelidik dengan lebih berkesan. Kaedah kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian yang anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Trochim, 2006).

Rashidah Awang (2015) menyatakan bahawa kajian kualitatif merupakan satu kajian penyelidikan yang mana penyelidik bergantung kepada pandangan peserta, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada peserta, menjelaskan dan menganalisa perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema serta menjalankan inkuiri dalam bentuk subjektif dan biasa. Kaedah kualitatif mempunyai bentuk datanya yang tersendiri. Begitu juga kaedah yang sebaliknya iaitu kaedah kuantitatif. Tetapi, dalam bahagian ini, penerangan mengenai kaedah kualitatif akan dikupas. Data yang ditunjukkan menggunakan kaedah kualitatif adalah dalam bentuk temu bual dan pemerhatian. Maklumat yang diperoleh oleh penyelidik merupakan penyokong utama dalam membuktikan kerja lapangan yang dijalankan dalam menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Oleh itu, dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan dengan lebih mendalam mengenai bentuk data, kekuatan dan kelemahan metodologi kajian bagi setiap data yang dikumpul serta proses pengumpulan data dalam bentuk kualitatif. Dalam pada yang sama juga, kaedah kualitatif yang penyelidik pilih bagi menjalankan kajian ini adalah untuk mendapatkan segala maklumat yang berkaitan dengan kajian iaitu tarian Hamdolok.

3.3.2 Kuantitatif

Kaedah kuantitatif merupakan satu kaedah secara umumnya menggunakan analisis statistik, lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Istilah 'kuanti' merujuk kepada kuantiti yang mana ia membawa kepada erti, berapa banyak atau bilangannya. Kuantiti bermaksud bilangan yang diskrit yang mana ia dinyatakan dengan tepat (Zen Shah, 2013).

Kaedah kuantitatif merupakan sejenis penyelidikan yang mana penyelidik memutuskan apa yang hendak dilakukan dalam kajian, bertanyakan soalan yang khusus kepada responden yang terlibat, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada responden, menganalisa nombor-nombor menggunakan statistik dan menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif dan tidak bias (Billy Karunia, 2015).

Kaedah kuantitatif digunakan oleh penyelidik rentetan daripada alat bantu-alat bantu yang dijalankan melalui set soal selidik yang diedarkan secara terbuka dan tertutup. Melalui kaedah ini, penyelidik akan menggunakan item-item yang tertentu berikutan daripada set soal selidik yang akan diedarkan kepada responden.

3.4 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data merupakan elemen yang penting bagi menjalankan sesuatu kajian. Pengumpulan data merupakan proses untuk mengumpul, mengukur data, maklumat atau sebarang perkara yang berkaitan yang mana ia membolehkan penyelidik menjawab atau menguji hipotesis dan menilai hasil koleksi tertentu (Techopedia, 2022). Kaedah pengumpulan data yang sesuai hendaklah dipilih selaras dengan kajian yang dijalankan. Menurut Sabitha Marican (2005), data ialah pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Menurut Izham Shafie (2008), data merupakan maklumat berangka yang diperlukan untuk membuat sesuatu keputusan yang baik dalam situasi tertentu. Hal ini kerana kaedah pengumpulan data yang tepat mendorong untuk memperoleh data yang tepat. Oleh itu, penyelidik akan menggunakan kaedah pengumpulan data yang sesuai dengan kajian.

Data yang diperoleh pula akan menjadikan sesuatu kajian itu lebih sempurna. Secara umumnya, data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data primer iaitu *raw data* dan juga data sekunder iaitu *secondary data*.

3.4.1 Data Primer

Sabitha Marican (2005) berpendapat bahawa data primer ialah data asal yang dikumpul secara khusus untuk menjawab persoalan kajian. Data primer dapat diperolehi menerusi proses temu bual, soal selidik dan membuat pemerhatian yang dilakukan. Data yang dikumpulkan dari sumber primer akan menghasilkan data yang tepat dan lebih mendalam mengenai kajian yang dijalankan. Menurut Hasan (2002), data primer ialah data yang diperolehi atau dikumpulkan secara langsung di lapangan oleh orang yang melakukan penelitian atau yang bersangkutan memerlukannya. Dalam hal ini, ia merujuk kepada penyelidik.

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer ialah data yang berasal daripada sumber asli atau pertama. Data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik adalah untuk menguji sejauh mana ketepatan hipotesis dalam kajian yang dijalankan. Seperti yang sedia maklum, data primer akan dikumpulkan oleh penyelidik melalui proses soal selidik, temu bual dan membuat pemerhatian. Oleh kerana itu, data primer tidak tersedia dalam bentuk fail atau laporan yang sedia ada. Penyelidik perlu mengamati sendiri tentang kajian yang dilakukan. Maklumat yang diperolehi melalui data primer selalunya didapati dalam bentuk eksperimen atau kajian lapangan. Lantaran itu, data yang diperolehi kebiasaannya dikumpulkan daripada seseorang individu, kumpulan yang berfokus atau panel pakar berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Secara umumnya, terdapat dua kaedah pengumpulan data yang terdapat dalam data primer iaitu data secara aktif dan data secara pasif.

Data primer secara aktif boleh dibahagikan kepada dua kaedah iaitu menemuramah secara langsung dan menemuramah secara tidak langsung. Kaedah menemuramah secara langsung dibuat secara langsung dengan bersemuka antara penyelidik dan juga responden bagi mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai

kajian yang dipilih. Oleh itu, penyelidik akan membuat persiapan dengan lebih awal dengan menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan kajian sebelum menemuramah responden bagi mendapatkan maklumat yang mendalam.

Dalam pada masa yang sama, terdapat dua pecahan dalam menemuramah secara langsung iaitu menemuramah secara mendalam (*depth interview*) dan melalui kumpulan berfokus (*focus group*). Dalam menemuramah secara mendalam (*depth interview*), kebiasaannya berlaku antara dua orang responden sahaja. Sebagai contoh, temuramah secara mendalam (*depth interview*) melibatkan seorang responden dan juga seorang penyelidik manakala temuramah kumpulan berfokus (*focus group*) melibatkan kumpulan sasaran seperti sekumpulan orang. Sebagai contoh, temuramah secara kumpulan berfokus (*focus group*) melibatkan seorang penyelidik dan juga beberapa orang responden yang terdiri daripada penduduk kampung.

Data primer secara pasif dibahagikan kepada empat bahagian. Data primer secara pasif yang pertama ialah berstruktur dan sulit. Dalam hal ini, pengumpulan data yang dibuat adalah secara berstruktur atau rasmi. Hal ini kerana responden tidak diberikan maklumat tentang tujuan kajian yang dijalankan. Walaubagaimanapun, penyelidik biasanya akan memberikan maklumat tentang tajuk atau tema yang ingin dikaji kepada responden. Tujuannya adalah untuk mengelakkan responden berasa tidak selesa mahupun berasa berat sebelah dalam sesi temu bual yang dijalankan.

Data primer secara pasif yang kedua adalah berstruktur dan terbuka. Dalam hal ini, pengumpulan data yang dibuat adalah secara tersusun atau dengan tahap formaliti yang tinggi. Hal ini kerana penyelidik akan memberikan maklumat kepada responden tentang tujuan kajian dijalankan. Ia bertujuan agar responden dapat memberikan jawapan yang bersesuaian selaras dengan objektif kajian yang dijalankan. Oleh itu, jawapan yang diberikan oleh responden tidak berada di luar skop kajian kerana ketidaksesuaian data yang diperolehi.

Data primer secara pasif yang ketiga ialah tidak berstruktur dan sulit. Dalam hal ini, pengumpulan data yang dibuat adalah secara tidak berstruktur atau kurang

rasmi. Hal ini kerana responden tidak diberikan maklumat tentang tujuan kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan dengan kaedah primer secara pasif yang pertama di mana ia terletak pada sifat formal daripada proses pengumpulan data di lapangan. Kesannya, ia akan memberikan kesan psikologi untuk memberi kelonggaran kepada responden mengenai soalan yang bakal diutarakan oleh penyelidik.

Data primer secara pasif yang keempat ialah tidak berstruktur dan terbuka. Dalam hal ini, pengumpulan data yang dibuat adalah secara tidak tersusun atau kurang formal. Hal ini kerana penyelidik memberikan maklumat secara terbuka mengenai tajuk kajian yang dijalankan. Tujuannya supaya responden dapat mengetahui dengan jelas hala tuju kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Kesannya, ia akan mempengaruhi responden dalam memberikan jawapan bagi setiap soalan yang bakal diutarakan oleh penyelidik. Oleh itu, data primer yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian tarian Hamdolok adalah seperti yang berikut:

i) Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan salah satu kaedah yang seringkali digunakan penyelidik dalam mendapatkan maklumat, data, info dan sumber yang sahih. Hal ini kerana tujuan temu bual dilakukan adalah untuk mendapatkan maklum balas yang sah secara bersemuka daripada responden dan merekod setiap bait-bait kata yang dipertuturkan oleh responden agar kajian yang dilakukan itu lengkap dan sempurna. Tambahan pula, dengan adanya kaedah temu bual ini, ia dapat memberi peluang dan ruang untuk responden melontarkan pendapatnya yang tersendiri. Lantaran itu, maklumat, data, info dan sumber yang ditemu bual akan direkod dengan catatan nota, gambar, rakaman audio dan rakaman video oleh penyelidik. Kelebihan menggunakan kaedah temu bual ini ialah penyelidik boleh menerangkan dengan lebih jelas mengenai tajuk kajian, tujuan kajian dan jenis maklumat yang diinginkan melalui responden. Dalam pada masa yang sama, penyelidik dapat membantu responden sekiranya tidak memahami soalan yang diutarakan secara terus agar jawapan yang diperoleh menepati apa yang dimahukan dalam kajian.

Denzin (2001) berpendapat temu bual perlu berfungsi lebih daripada sebagai alat pengumpulan maklumat iaitu bersifat reflektif dan secara tidak langsung dapat mencerminkan keadaan sebenar ketika berada di lapangan. Penyelidik dapat menyoal dengan lebih lanjut bagi mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam (Chua, 2006). Patton (1980) menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Fontana; Frey (1994) & Merriem (1998) menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Menurut Merriam (1998), penggunaan temu bual berstruktur bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosial, demografik, umur, pendapatan, tahap pendidikan dan sebagainya manakala temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Kedua-dua kaedah temu bual akan digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat, info dan sumber yang diperlukan. Temu bual tidak berstruktur pula merupakan aktiviti perbualan dan soal jawab yang mementingkan penerokaan idea atau perasaan semata-mata daripada mendapatkan fakta-fakta yang berkaitan dengan kajian penyelidik (Wan Firdaus, 2015).

Berdasarkan perkara tersebut, penyelidik akan menyediakan beberapa soalan dan mengemukakan soalan tersebut kepada responden. Kaedah temu bual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat tentang penerimaan masyarakat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Oleh itu, penyelidik akan menemu bual sekurang-kurangnya 3 orang responden terhadap tarian Hamdolok. Penyelidik juga akan mengupas tarian Hamdolok ini dengan lebih mendalam melalui responden-responden yang telah disasarkan. Kaedah temu bual ini merupakan reka bentuk kajian bagi kaedah kualitatif.

ii) Kaedah Soal Selidik

Kaedah soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Soal selidik merupakan satu kaedah yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat dan sumber bagi menjawab tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Oleh itu, penyelidik yang membina borang soal selidik ini perlulah mempunyai pengetahuan tentang kajian yang dijalankan agar soalan yang dibina adalah wajar, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi oleh sebarang emosi (Muss Miey, 2013). Menurut Syed Arabi Idid (2002), bagi kajian penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data daripada satu populasi, kaedah tinjauan adalah lebih sesuai digunakan. Oleh itu, penggunaan kaedah soal selidik dapat menguatkan lagi kajian yang dijalankan.

Kaedah soal selidik merupakan salah satu cara yang sering digunakan oleh kebanyakan penyelidik untuk melengkapkan data primer. Borang soal selidik akan diedarkan kepada 70 orang responden bagi memperoleh data. Borang soal selidik yang disediakan oleh penyelidik hendaklah bersesuaian dengan objektif kajian. Kaedah soal selidik ini merupakan reka bentuk kajian bagi kaedah kuantitatif. Data kajian akan dikumpulkan dan diukur dengan menggunakan skala Likert.

iii) Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mengukur pembolehubah dalam penyelidikan. Kaedah ini juga merupakan salah satu cara untuk mengumpulkan data dan maklumat selain daripada kaedah soal selidik dan kaedah temu bual. Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik, kebiasaannya mereka dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pembolehubah yang telah dikenalpasti (Simon Achan, 2014). Oleh itu, penyelidik berperanan sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mengamati, mendengar serta melihat tingkah laku subjek samada dari jarak jauh ataupun dalam jarak yang dekat.

Kaedah pemerhatian seringkali digunakan dalam sesuatu kajian. Sebelum membuat pemerhatian, penyelidik perlu membuat perancangan yang rapi agar apa yang dirancang berjalan dengan lancar. Setiap pemerhatian yang dilakukan mestilah mempunyai tujuan yang tertentu agar sesuai dengan kajian, dibuat secara tersusun, mempunyai fokus dan juga dicatatkan serta direkodkan dengan teliti. Catatan dan perekodan yang dilakukan mestilah dibuat dengan tepat, sah dan daripada sumber yang boleh dipercayai. Menurut Malek Muhamat Said (2007), pemerhatian hendaklah dibuat secara saintifik iaitu secara tepat, sistematik dan berobjektif.

Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (*direct observation*) dan pemerhatian melalui penglibatan (*participant-observation*). Kaedah pemerhatian secara terus (*direct observation*) melibatkan pemerhatian secara langsung. Sebagai contoh, penyelidik membuat kiraan jumlah ahli yang terlibat dalam kumpulan tarian Hamdolok. Kaedah ini kebiasaannya tidak melibatkan komunikasi antara satu sama lain. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula (*participant-observation*) adalah berkaitan dengan kajian tentang kehidupan masyarakat yang mana ia saling berkait dengan bidang antropologi. Penyelidik akan melibatkan diri dengan masyarakat yang terlibat dalam kajian supaya lebih jelas tentang apa yang mahu dikaji.

Penyelidik akan menjalankan kaedah pemerhatian di kawasan atau lokasi yang sesuai selaras dengan kajian yang dibuat agar data yang diperoleh adalah kukuh. Penyelidik juga akan memastikan bahawa kawasan atau lokasi yang dipilih mempunyai masyarakat Jawa dalam populasi yang ramai. Hal ini kerana tarian Hamdolok selaku kajian penyelidik merupakan identiti bagi masyarakat Jawa. Kawasan atau lokasi yang dipilih oleh penyelidik ialah di daerah Batu Pahat, Johor yang mana terletaknya masyarakat Jawa dalam jumlah yang ramai. Melalui kaedah pemerhatian ini, penyelidik dapat memastikan bahawa kawasan atau lokasi yang dipilih masih wujud sehingga kini dan sesuai untuk dijadikan kawasan kajian. Oleh itu, kaedah pemerhatian dibuat di lokasi atau kawasan daerah Batu Pahat, Johor kerana masyarakat di situ tahu dengan lebih mendalam mengenai tarian Hamdolok. Lantaran itu, di kawasan atau lokasi yang dipilih oleh penyelidik merupakan satu-satunya pewaris tarian Hamdolok yang masih terdapat di lokasi kajian penyelidik.

Dalam pada masa yang sama, beberapa keping gambar akan diambil untuk dijadikan bukti dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

3.4.2 Data Sekunder

Menurut Marican (2005), data sekunder membawa maksud data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik yang lain. Sebagai contoh, data-data yang lepas atau maklumat yang terdahulu dikumpul bagi memenuhi tujuan kajian. Data dan maklumat yang diperoleh masih lagi sesuai dan relevan untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian atau dikembangkan kepada informasi mahupun formulasi yang baru untuk kajian pada masa kini dan akan datang. Maklumat dan bahan terbitan yang dikumpul oleh penyelidik lain boleh digunakan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini atau pada masa akan datang. Contoh yang melibatkan data sekunder ialah dokumen awam, arkib, dokumen pentadbiran, laporan formal, majalah, surat khabar dan lain-lain lagi.

Data sekunder merupakan data sokongan kepada data primer yang telah dikumpulkan. Tujuan data sekunder dibuat adalah untuk mendapatkan penerangan, fakta, pemahaman atau hasil kajian yang dibuat oleh penyelidik terdahulu berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data sekunder yang diperoleh juga bertujuan untuk mengenalpasti dan mendefinisikan masalah dengan lebih jelas. Tambahan pula, ia juga bertujuan untuk membina pendekatan kepada masalah dan menjawab beberapa permasalahan kajian. Selain itu, data sekunder juga merupakan data yang diperoleh dengan cepat dan ekonomi bagi latar belakang maklumat. Ia juga penting bagi menginterpretasikan data primer (Naresh, 1999).

Seperti yang sedia maklum, pengumpulan data sekunder melibatkan kaedah menggunakan sumber-sumber dokumentari. Kaedah ini lebih mengutamakan penyelidikan kepustakaan. Sumber-sumber ini dapat menyumbangkan maklumat yang diperlukan samada maklumat berbentuk am ataupun empirikal. Data terkumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh penyelidik yang lain dapat memberikan maklumat asal yang diperlukan (Rohana Yusof, 2003). Antara data

sekunder yang digunakan dalam kajian penyelidikan adalah seperti yang berikut:

i) Kaedah Kepustakaan

Kajian kepustakaan adalah usaha yang dilakukan oleh pemerhati atau peneliti untuk menghimpunkan segala informasi ataupun maklumat yang bersesuaian dan relevan dengan masalah atau topik yang akan atau sedang diteliti. Informasi yang dimaksudkan ini dapat diperolehi daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan orang lain, laporan penelitian, ensiklopedia, fakta-fakta, buku tahunan dan sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik (Roth, 1986). Kaedah kepustakaan ini merupakan kaedah yang berkaitan dengan pencarian maklumat-maklumat umum dengan kata kunci bagi sesuatu kajian. Kata kunci bagi kajian ini ialah masyarakat Jawa, tarian, seni persembahan, alat muzik dan sebagainya. Bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat-maklumat yang berkaitan kajian ini, penyelidik telah pergi ke perpustakaan awam di Batu Pahat, Johor. Seterusnya, penyelidik telah merujuk beberapa penulisan yang sama dengan kajian. Rujukan dari mana-mana sumber adalah penting agar penulisan penyelidik menepati kajian yang dilakukan pada masa kini.

ii) Kaedah Internet

Pengertian internet menurut Strauss, El-Ansary & Frost (2003) ialah seluruh jaringan yang terhubung antara satu sama lain. Menurut O'Brien (2003), internet merupakan jaringan komputer yang berkembang pesat dari segi perniagaan, pendidikan dan jaringan pemerintahan yang saling berhubungan antara satu sama lain dari seluruh negara. Kaedah internet merupakan sumber utama pengkaji dalam mendapatkan maklumat dan sumber dalam menjalankan kajian. Internet merupakan salah satu medium yang digunakan oleh kebanyakan penyelidik dalam mencari segala maklumat berkaitan kajian. Dalam pada itu, sebelum memulakan kajian juga, penyelidik menggunakan kaedah internet untuk mencari perkara yang berkaitan seperti tajuk kajian, tujuan kajian dan sebagainya. Berikutan perkara tersebut, penyelidik melayari internet untuk mendapatkan maklumat dan sumber dengan lebih lanjut mengenai

kajian yang dijalankan iaitu tarian Hamdolok. Sebagai contoh, penyelidik melayari internet dengan membuat carian di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mengenai tarian Hamdolok. Menurutnya, persembahan Hamdolok terdiri daripada unsur-unsur nyanyian, tarian dan muzik. Penyelidik juga melayari internet dengan membuat carian jurnal-jurnal yang berkaitan. Kaedah internet sangat membantu penyelidik dalam pelbagai aspek.

3.5 TEKNIK PERSAMPELAN

Menurut Syed Arabi Idid (1992), persampelan merupakan satu usaha yang dijalankan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi. Teknik *Snowball* atau bebola salji akan digunakan dalam kajian ini. Teknik ini digunakan secara berantai yang mana ia dimulai daripada ukuran sampel yang kecil sehinggakan semakin lama ia menjadi semakin besar seperti bebola salji. Secara asasnya, teknik *Snowball* atau bebola salji merupakan teknik yang digunakan ketika proses temu bual berlangsung bersama responden. Rentetan itu, responden akan mengenalkan responden yang lain berikutan memiliki ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik.

3.6 ALAT BANTU KAJIAN

Alat bantu kajian ialah proses menyediakan alat pengumpulan data menerusi konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan, dan keterangan latar belakang (Balkis Naneng, 2022). Otosection (2022) juga menyatakan alat bantu kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Alat bantu kajian digunakan sebagai asas untuk memperoleh data seperti yang dikehendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Kaedah yang digunakan oleh penyelidik ialah kaedah temu bual yang melibatkan dua orang, kaedah pemerhatian dan kaedah soal selidik yang mana sebanyak 70 orang responden terlibat dalam kajian ini. Alat bantu yang digunakan untuk memperoleh data terbahagi kepada dua iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif dijalankan melalui proses temu bual dan pemerhatian manakala, kaedah kuantitatif pula

dijalankan melalui edaran borang soal selidik. Ia bertujuan agar data yang bakal diperoleh lebih tepat.

| Alat Bantu Kajian | |
|--------------------|---------------------------|
| Kaedah Kualitatif | Temu bual dan Pemerhatian |
| Kaedah Kuantitatif | Soal Selidik |

Jadual 1: Alat Bantu Kajian Yang Digunakan Oleh Penyelidik

Oleh itu, alat bantu kajian juga akan digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini semasa menjalankan sesi pemerhatian, sesi temu bual bersama responden dan soal selidik. Dalam masa yang sama, urusan untuk merekod data dan catatan maklumat lebih mudah dengan adanya alat bantu kajian. Berikut merupakan alatan bantuan kajian yang digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan kajian:

3.6.1 Telefon Bimbit

Telefon bimbit menjadi salah satu alat bantu kajian untuk mendapatkan info dan maklumat yang berkaitan dengan kajian iaitu tarian Hamdolok. Untuk menemubual responden, satu tarikh yang tepat hendaklah dibincangkan menerusi telefon bimbit. Hal ini kerana responden tidak mempunyai masa yang lapang atas pelbagai faktor seperti bekerja, bersekolah dan sebagainya.

3.6.2 Kamera

Dengan adanya kamera ini, ia dapat menguatkan lagi kajian yang dijalankan oleh penyelidik dengan adanya bukti yang sahih daripada responden yang berpengalaman, berpengetahuan dan boleh dipercayai. Seterusnya, kamera dapat dijadikan sebagai rujukan. Sebagai contoh, apabila penyelidik terlepas beberapa maklumat yang hendak disampaikan oleh responden. Maka, penyelidik dapat melihat semula rakaman semula yang dibuat melalui kamera.

3.6.3 Buku Catatan

Alat bantu buku catatan merupakan medium penting dalam menjalankan kajian. Semua maklumat yang diperolehi akan dicatat di dalam buku catatan. Begitu juga dengan sesi temu bual antara penyelidik dan responden. Semua informasi dan maklumat yang disampaikan semasa menemubual responden akan dikumpul dan ditulis dalam buku catatan sebagai bukti. Sekiranya terdapat maklumat yang terlepas daripada pengamatan penyelidik, buku catatan dijadikan sebagai rujukan untuk mendapatkan maklumat tersebut. Oleh itu, buku catatan hendaklah disimpan dengan baik agar ia tidak mengakibatkan sebarang kerosakan yang berlaku ke atasnya. Sebagai contoh, buku catatan hilang, koyak, basah dan sebagainya.

3.6.4 Kamera Tripod

Untuk mendapatkan hasil rakaman dan gambar yang cantik, kamera tripod adalah diperlukan dalam kajian ini. Hal ini kerana jika penyelidik sendiri yang memegang kamera dari awal sehingga akhir kajian lapangan mungkin akan mengakibatkan hasilnya kurang cantik. Namun, dengan penggunaan kamera tripod ini, penyelidik tidak perlu bersusah-payah untuk memegang kamera tersebut.

3.6.5 Mikrofon Tanpa Wayar

Penggunaan teknologi pada masa kini dapat membantu penyelidik dalam membuat kajian ini. Mikrofon tanpa wayar akan digunakan dalam kajian lapangan ini. Hal ini kerana penggunaan mikrofon tanpa wayar dapat memperoleh suara responden dengan jelas. Berbeza pula dengan tidak menggunakan mikrofon tanpa wayar. Ia akan mengakibatkan suara yang berada di sekeliling akan jelas kelihatan dan mengakibatkan suara responden tenggelam.

3.7 ANALISIS DATA

Analisis data merupakan tahap proses kajian yang mana data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik dapat dijawab untuk menjawab rumusan masalah (Umami Adibah, 2019). Kaedah pengurusan dan pemrosesan data dipanggil analisis data. Analisis data kualitatif adalah usaha yang dijalankan menerusi bekerja dengan data, menganjurkan data, menyusunnya ke dalam unit-unit yang boleh diurus, menyusunnya, mencari corak, menemui apa yang penting dan apa yang dipelajari serta memutuskan apa yang boleh diberitahu kepada orang lain (Bogdan & Biklen, 1982). Analisis adalah kajian untuk mencari pola. Pola di sini merujuk kepada corak budaya daripada semata-mata keadaan sosial domain kebudayaan (domain budaya) iaitu kategori makna budaya yang melibatkan kategori yang lebih kecil.


Pada dasarnya, analisis data adalah satu aktiviti untuk menganjurkan, menyusun kumpulan, kod atau menandatangani dan mengkategorikannya supaya penemuan berdasarkan kepada fokus atau masalah yang ingin dijawab. Melalui satu siri aktiviti, data kualitatif yang biasanya bertaburan dan disusun boleh dipermudahkan untuk akhirnya difahami dengan mudah. Dalam bahagian analisis data, proses pengesanan yang sistematik dan menetapkan transkrip wawancara, nota medan dan bahan lain diterangkan supaya penyelidik dapat mengemukakan penemuan mereka. Analisis ini melibatkan kerja-kerja, menganjurkan, menyelesaikan dan mensintesis corak data dan mencari, mendedahkan perkara-perkara penting dan menentukan apa yang dilaporkan. Dalam kajian kualitatif, analisis data dijalankan semasa dan selepas pengumpulan data, dengan teknik seperti analisis domain, analisis taksonomi, analisis kompaun dan analisis tema. Dalam kes ini, penyelidik boleh menggunakan statistik tanpa statistik, logik, etika atau estetik. Dalam perihal menganalisis data ini, contoh operasi diberikan adalah seperti matriks dan logik.

Miles & Huberman (1984) menyatakan bahawa analisis data semasa pengumpulan data membawa penyelidik untuk merenung antara memikirkan data sedia ada dan membangun strategi untuk mengumpulkan data baru. Membuat pembetulan kepada maklumat yang kurang jelas dan mengarahkan analisis berterusan berkenaan dengan kesan kerja lapangan yang dihasilkan. Langkah-langkah yang

diambil dalam pengumpulan data adalah penyusunan helaian ringkasan kenalan, membuat kod, corak pengekodan (corak pemodelan) dan memberikan memo.

3.7.1 Tematik

Analisis tematik merupakan salah satu cara untuk menganalisis data dengan tujuan untuk mengidentifikasikan pola atau untuk menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik (Braun & Clarke, 2006). Analisis tematik merupakan kaedah metodologi yang sangat efektif apabila sebuah penelitian yang bermaksud untuk mengupas secara terperinci mengenai data-data kualitatif yang digunakan mempunyai keterkaitan pola-pola dalam sesebuah fenomena dan menjelaskan sejauh mana sebuah fenomena itu terjadi melalui pengamatan penyelidik (Fereday & Muir-Cochrane, 2006).



Rajah 1: Proses Analisis Data Tematik

Rajah 1 menunjukkan proses yang perlu dilalui untuk menganalisis data. Pengkaji memulakan proses transkripsi sebagai pengalihan struktur daripada rakaman audio yang diambil oleh penyelidik ketika membuat temu bual dan dimasukkan ke dalam bentuk penulisan.

i) Transkripsi

Penyelidik akan menyusun dan menulis segala maklumat daripada rakaman audio yang dimainkan semula supaya lebih tersusun dan mudah difahami. Penggunaan rakaman audio melalui telefon pintar dalam kaedah yang paling berkesan untuk merakam setiap percakapan yang disampaikan oleh informan. Kesemua maklumat yang diucapkan oleh informan akan disimpan untuk digunakan pada hasil kajian kelak. Rakaman audio sangat diperlukan dalam kajian yang akan dijalankan agar segala maklumat yang dirakam tidak berlaku keciciran maklumat yang dikumpul oleh penyelidik.

ii) Pengekodan

Penyelidik membuat pembacaan semula serta pengekodan berdasarkan sumber-sumber pengumpulan maklumat tersebut. Penyelidik jugak memastikan tahap kerelevanan dan kesinambungan dalam kajian tentang penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolok. Pengekodan merupakan proses yang sangat penting untuk memastikan tiada kesalahan dan kejelasan setiap penyataan maklumat.

iii) Penentuan Tema

Penentuan tema perlu diteliti dalam memfokuskan maklumat-maklumat penting dan utama terhadap kajian yang dilakukan. Oleh itu, melalui proses ini penyelidik dapat memahami terhadap penentuan tema dan isi-isi penting yang dijadikan sebagai panduan untuk mencapai matlamat kajian.

iv) Laporan

Penyelidik telah menghasilkan laporan penyelidikan berdasarkan data-data yang telah diperolehi. Setelah tema dikenali di dalam kajian ini, pengkaji dapat

hasilkan laporan penyelidikan. Laporan yang dihasilkan perlulah secara menyeluruh dan tidak tertakluk kepada huraian data dalam membuat perbincangan. (Braun & Clarke, 2006). Selepas itu, penyelidik telah menghasilkan laporan penyelidikan yang lengkap berdasarkan penyusunan data dan pengenalpastian tema.

v) Triangulasi

Penyelidik melakukan proses triangulasi merupakan gabungan sumber data, tenaga penyelidik, teori yang digunakan dan teknik-teknik metodologi kajian yang digunakan sepanjang proses kajian ini dilakukan. Kesemua perkara tersebut sangat berkait rapat dalam memastikan kesesuaian terhadap kajian yang dilakukan. Segala data yang dihasilkan daripada sesi temu bual, soal selidik serta maklumat yang diperolehi daripada sumber sekunder yang terdiri daripada sumber internet, surat khabar online dan jurnal akan digabungkan menjadi sebuah maklumat yang lengkap.

3.8 KESIMPULAN

Bab ini telah memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan dengan metodologi kajian yang telah diaplikasikan. Dalam bahagian metodologi kajian ini, ia meliputi pelbagai perkara. Pada mulanya penyelidik menerangkan mengenai pengenalan bagi bahagian metodologi kajian. Selepas itu, bagi pendekatan kajian penyelidik menggunakan pendekatan etnografi. Selain itu, penyelidik akan memilih samada kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif mahupun kaedah campuran mahu digunakan bagi menjalankan kajian. Berdasarkan kesesuaian kajian, penyelidik mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif sebagai panduan untuk menjalankan kajian supaya lebih terarah. Penyelidik menggunakan data primer yang membawa kepada proses pemerhatian, temu bual responden dan soal selidik.

Manakala, data sekunder pula membincangkan kaedah kepustakaan dan kaedah internet yang digunakan oleh penyelidik. Teknik persampelan penyelidik

memilih untuk menggunakan teknik *Snowball* atau bebola salji. Alat bantu kajian pula membawa kepada alatan bantuan kajian yang digunakan oleh penyelidik. Antaranya ialah telefon bimbit, kamera, buku catatan, kamera tripod dan juga mikrofon tanpa wayar. Terakhir sekali ialah analisis data yang mana penyelidik memilih untuk menggunakan analisis tematik.

Metodologi kajian merupakan satu kaedah kajian bagi mendapatkan maklumat dan sumber dengan lebih terperinci agar kajian yang dijalankan sempurna. Oleh itu, bahagian metodologi kajian dapat membantu sedikit sebanyak penyelidik dalam menjalankan kajian berfokus iaitu berkenaan tarian Hamdolok.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian mengenai penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Hasil daripada kajian ini membincangkan beberapa objektif yang telah digariskan iaitu mengenalpasti pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Selepas itu, mengkaji pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor dan membincangkan sejauh mana penerimaan masyarakat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok.

Hasil daripada dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini adalah berdasarkan hasil temu bual dan edaran boring soal selidik di Kampung Rahmat, Tanjung, Labuh, Batu Pahat, Johor. Temu bual yang dijalankan kepada dua orang informan yang terdiri daripada penduduk Kampung Rahmat sendiri. Oleh itu, data yang diperoleh melalui temu bual menyelidik dengan informan akan dianalisis dalam bentuk transkrip. Bagi soal selidik pula, ia diedarkan kepada penduduk di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Seramai 83 orang hanya 70 sahaja responden yang memberi maklum balas untuk menjawab borang soal selidik tersebut.

Borang soal selidik yang diedarkan kepada masyarakat Kampung Rahmat terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A merangkumi latar belakang responden. Bahagian B pula adalah untuk mengenalpasti pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Bahagian C pula adalah untuk mengkaji pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Selain itu, bahagian D membincangkan sejauh mana penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Oleh itu, data-data yang dianalisis akan menggunakan teori semiotik dengan pendekatan Sikana (2001) di mana ia merujuk kepada suatu ajaran mengenai tanda-tanda.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN

Demografi responden digunakan dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada masyarakat Kampung Rahmat. Ia merupakan salah satu kaedah kuantitatif dalam melakukan kajian ini. Di dalam bahagian soal selidik ini ia mengandungi latar belakang responden daripada penduduk Kampung Rahmat. Rentetan itu, latar belakang responden ini merujuk kepada empat kategori yang merujuk kepada jantina, umur, status dan kaum. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 70 orang.

| | Kategori | Jumlah | Peratus (%) |
|---------|-----------|--------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 34 | 48.6 |
| | Perempuan | 36 | 51.4 |
| | Jumlah | 70 | 100 |

Jadual 2: Kategori Jantina

Dalam jadual 2 menunjukkan kategori jantina responden bagi penduduk Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Responden terdiri daripada 34 orang lelaki (48.6%) dan 36 orang perempuan (51.4%).

| | Kategori | Jumlah | Peratus (%) |
|------|--------------------------|--------|-------------|
| Umur | 25 tahun dan ke bawah | 32 | 45.7 |
| | 26-35 tahun | 8 | 11.4 |
| | 36-45 tahun | 8 | 11.4 |
| | 46-55 tahun | 12 | 17.1 |
| | 56 tahun dan ke atas | 10 | 14.3 |
| | Jumlah | 70 | 100 |

Jadual 3: Kategori Umur

Dalam jadual 3 menunjukkan kategori umur responden bagi penduduk Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Kategori umur responden terbahagi kepada lima peringkat iaitu bermula dengan 25 tahun dan ke bawah sehingga 56 tahun dan ke atas. Seramai 32 orang (45.7%) adalah berumur antara 25 tahun dan ke bawah. Seterusnya, seramai 8 orang (11.4%) adalah berumur 26 tahun sehingga 35 tahun. Bagi peringkat ketiga, kategori responden yang berumur 36 tahun sehingga 45 tahun terdiri daripada 8 orang (11.4%) juga. Bagi responden peringkat keempat iaitu berumur antara 46 tahun sehingga 55 tahun terdiri daripada 12 orang (17.1%). Terakhir sekali, bagi peringkat kelima, kategori responden yang berumur 56 tahun dan ke atas terdiri daripada 10 orang (14.3%).

| | Kategori | Jumlah | Peratus (%) |
|--------|-----------|--------|-------------|
| Status | Bujang | 37 | 52.9 |
| | Berkahwin | 33 | 47.1 |
| | Jumlah | 70 | 100 |

Jadual 4: Kategori Status

Dalam jadual 4 menunjukkan bahawa kategori status bagi responden bagi penduduk Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Kategori status

terdiri daripada dua peringkat iaitu bujang mencatatkan sebanyak 37 orang (52.9%). Manakala kategori status kedua pula berkahwin yang mencatatkan sebanyak 33 orang (47.1%).

| | Kategori | Jumlah | Peratus (%) |
|------|----------|--------|-------------|
| Kaum | Melayu | 70 | 100 |
| | Cina | 0 | 0 |
| | India | 0 | 0 |
| | Jumlah | 70 | 100 |

Jadual 5: Kategori Kaum

Dalam jadual 5 merupakan kategori kaum bagi responden bagi penduduk Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Seramai 70 orang (100%) terdiri daripada kaum Melayu. Manakala, kaum Cina dan kaum India masing-masing mencatatkan sebanyak 0 orang (0%).

4.3 PENGETAHUAN MASYARAKAT JAWA TENTANG ASAL-USUL TARIAN HAMDOLOK DI KAMPUNG RAHMAT, TANJUNG LABUH, BATU PAHAT, JOHOR

Pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor diperolehi daripada analisis borang melalui soal selidik. Pernyataan yang dikemukakan tentang asal-usul secara umum untuk melihat sejauh mana responden mengetahui tentang tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Analisis tersebut dipersembahkan dalam bentuk jadual di bawah:

| Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang | Skala | | | | | | | | | |
|-------------------------------------|-------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | | | | | |
| | J | % | J | % | J | % | J | % | J | % |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|-----|---|-----|----|------|----|------|----|------|
| Asal-Usul Tarian Hamdolok Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | | | | | | | | | | |
| Tarian Hamdolok juga dikenali sebagai 'Masadeka' dalam kalangan masyarakat Jawa. | 1 | 1.4 | 2 | 2.9 | 5 | 7.1 | 53 | 75.7 | 9 | 12.9 |
| Perkataan 'Masadeka' atau Hamdolok itu membawa kepada dua perkataan yang berbeza yang mana 'Ma' bermaksud 'Siapa' manakala 'Sadeka' pula membawa maksud kepada 'Benar'. | 0 | 0 | 2 | 2.9 | 10 | 14.3 | 49 | 70 | 9 | 12.9 |
| Tarian Hamdolok ini dibawa dari | 0 | 0 | 1 | 1.4 | 12 | 17.1 | 22 | 31.4 | 35 | 50 |

| | | | | | | | | | | |
|--|----|------|----|------|----|------|----|------|----|------|
| Negara Timur Tengah iaitu Arab. | | | | | | | | | | |
| Dikatakan tarian Hamdolik yang dibawa ini merupakan cerita-cerita yang disampaikan oleh Haji Osman Jahit ketika keberadaannya di Mekah. | 1 | 1.4 | 1 | 1.4 | 15 | 21.4 | 22 | 31.4 | 31 | 44.3 |
| Tarian Hamdolik diinspirasi daripada Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. dengan cara berarak yang disambut oleh masyarakat Badwi yang tinggal di Mekah. | 0 | 0 | 2 | 2.9 | 22 | 31.4 | 15 | 21.4 | 31 | 44.3 |
| Encik Rahmat atau Rahmat Wayang telah memperkenalkan tarian | 33 | 47.1 | 11 | 15.7 | 11 | 15.7 | 10 | 14.3 | 5 | 7.1 |

| | | | | | | | | | | |
|--|---|---|---|-----|---|-----|----|----|----|----|
| Hamdolok ini kepada masyarakat Kampung Rahmat. | | | | | | | | | | |
| Seni persembahan Hamdolok merupakan salah satu jenis tarian yang popular pada suatu masa dahulu di negeri Johor. | 0 | 0 | 2 | 2.9 | 5 | 7.1 | 21 | 30 | 42 | 60 |

Jadual 6: Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Asal-Usul Tarian Hamdolok Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor

Jadual 6 menunjukkan responden menjawab objektif yang pertama iaitu pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Seramai 1 orang (1.4%) menjawab sangat tidak setuju terhadap pernyataan *Tarian Hamdolok juga dikenali sebagai 'Masadeka' dalam kalangan masyarakat Jawa*. Manakala, yang menjawab tidak setuju seramai 2 orang (2.9%). Seterusnya, terdapat juga responden menjawab tidak pasti yang terdiri daripada 5 orang (7.1%). Akan tetapi, responden yang menjawab setuju lebih tinggi dengan mencatatkan sebanyak 53 orang (75.7%) dan sangat setuju mencatatkan sebanyak 9 orang (12.9%). Penyelidik dapat simpulkan bahawa responden di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor lebih mengenali tarian Hamdolok ini sebagai 'Masadeka' dengan baik sekali di mana penyelidik dapat melihat bahawa rata-ratanya memilih untuk menjawab setuju. Berbanding dengan setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Seterusnya, dalam jadual 6 menunjukkan bahawa tiada yang menjawab sangat

tidak setuju di mana ia mencatatkan bahawa seramai 0 (0%) terhadap pernyataan *Perkataan 'Masadeka' atau Hamdolok itu membawa kepada dua perkataan yang berbeza yang mana 'Ma' bermaksud 'Siapa' manakala 'Sadeka' pula membawa maksud kepada 'Benar'*. Manakala, yang menjawab tidak setuju seramai 2 orang (2.9%). Selain itu, terdapat responden yang menjawab tidak pasti seramai 10 orang (14.3%). Tambahan pula, responden yang menjawab setuju seramai 49 orang (70%) dan sangat setuju mencatatkan seramai 9 orang (12.9%). Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa responden lebih cenderung untuk setuju dengan pernyataan tersebut kerana seperti yang sedia maklum tarian Hamdolok ini dibawa daripada Arab. Jadi secara tidak langsung, ia membawa makna yang tersirat di mana ia mempunyai perkaitan dengan sambutan yang disambut oleh orang Islam di Mekah pada suatu ketika dahulu.

Selain itu, jadual 6 menunjukkan bahawa sebanyak 0 orang (0%) menjawab sangat tidak setuju terhadap pernyataan *Tarian Hamdolok ini dibawa dari Negara Timur Tengah iaitu Arab*. Manakala, yang menjawab tidak setuju seramai 1 orang (1.4%). Terdapat responden yang menjawab tidak pasti seramai 12 orang (17.1%). Tambahan pula, terdapat seramai 22 orang (31.4%) menjawab setuju dan seramai 35 orang (50%) menjawab sangat setuju. Oleh itu, melalui pernyataan di atas penyelidik dapat menyimpulkan bahawa majoriti responden di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor mengetahui dari mana kedatangan tarian Hamdolok ini ke negeri Johor atau lebih khusus ke Kampung Rahmat itu sendiri.

Lantaran itu, jadual 6 menunjukkan bahawa seramai 1 orang (1.4%) menjawab sangat tidak setuju dan seramai tidak setuju dengan mencatatkan sebanyak 1 orang (1.54%) dengan pernyataan *Dikatakan tarian Hamdolok yang dibawa ini merupakan cerita-cerita yang disampaikan oleh Haji Osman Jahit ketika keberadaannya di Mekah*. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti seramai 15 orang (21.4%). Manakala, responden yang menjawab setuju seramai 22 orang (31.4%) dan sangat setuju seramai 31 orang (44.3%). Penyelidik merumuskan bahawa pernyataan yang diutarakan dalam borang soal selidik merupakan pernyataan yang benar. Jadi, didapati hasil daripada jawapan yang diberi oleh responden di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor menunjukkan mereka masih tahu mengenai

penyataan berkenaan.

Rentetan itu, jadual 6 menunjukkan seramai 0 orang (0%) sangat tidak setuju dan 2 orang (2.9%) tidak setuju dengan pernyataan *Tarian Hamdolok diinspirasikan daripada Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. dengan cara berarak yang disambut oleh masyarakat Badwi yang tinggal di Mekah*. Terdapat juga responden yang tidak pasti dengan mencatatkan sebanyak 22 orang (31.4%). Manakala, seramai 15 orang (21.4%) menjawab setuju dan seramai 31 orang (44.3%) menjawab sangat setuju dengan pernyataan ini. Oleh itu, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa tiada yang menjawab sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ini dapat dibuktikan bahawa masyarakat mengetahui bahawa tarian Hamdolok ini merupakan sebuah tarian yang diinspirasikan daripada negara Arab yang mana di sana ia bertujuan untuk menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W.

Di samping itu, jadual 6 memperlihatkan bahawa seramai 33 orang (47.1%) sangat tidak setuju dan seramai 11 orang (15.7%) tidak setuju dengan pernyataan *Encik Rahmat atau Rahmat Wayang telah memperkenalkan tarian Hamdolok ini kepada masyarakat Kampung Rahmat*. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 11 orang (15.7%). Manakala, seramai 10 orang (14.3%) menjawab setuju dan 5 orang (7.1%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil daripada penelitian yang dibuat oleh penyelidik dapat disimpulkan bahawa majoritinya sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini kerana Rahmat Wayang bukan orang yang memperkenalkan tarian Hamdolok ini di Kampung Rahmat. Terdapat orang lain yang membawa tarian Hamdolok ini ke Kampung Rahmat iaitu Pak Atan Bongkek.

Akhir sekali, jadual 6 menunjukkan bahawa seramai 0 (0%) sangat tidak setuju dan 2 (2.9%) tidak setuju dengan pernyataan *Seni persembahan Hamdolok merupakan salah satu jenis tarian yang popular pada suatu masa dahulu di negeri Johor*. Terdapat responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 5 orang (7.1%). Manakala, di ruangan jawapan yang memilih setuju pula adalah seramai 21 orang (30%) dan seramai 42 orang (60%) memilih sangat setuju dengan pernyataan ini. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa secara majoritinya memilih sangat setuju dengan pernyataan ini. Hal ini kerana tarian Hamdolok ini sememangnya merupakan suatu

seni persembahan yang popular pada zaman dahulu. Namun, atas pelbagai faktor tarian tersebut kian tenggelam dan semakin dilupakan.

4.3.1 Tokoh Tarian Hamdolok

Tarian Hamdolok merupakan sebuah tarian yang popular dimainkan pada waktu dahulu. Tarian ini telah dibawa oleh beberapa orang tokoh yang sememangnya dihargai dalam bidang seni tanah air ini. Tanpa insan-insan yang hebat ini, tarian Hamdolok tidak akan berada dan bertapak di negeri Johor khususnya di Kampung Rahmat itu sendiri. Berikut merupakan beberapa orang tokoh yang bersama-sama membawa dan memperkenalkan tarian Hamdolok ini kepada masyarakat setempat.

i) Haji Osman Jahit

Tarian Hamdolok ini bermula disebabkan oleh cerita-cerita yang telah disampaikan Haji Osman Jahit ketika keberadaannya di Mekah. Cerita-cerita yang dibawa oleh beliau telah menyebabkan masyarakat tahu mengenai tarian Hamdolok ini.

Ini dapat dibuktikan melalui edaran borang soal selidik yang telah diedarkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor berkenaan Haji Osman Jahit. Pernyataan tersebut ialah *Dikatakan tarian Hamdolok yang dibawa ini merupakan cerita-cerita yang disampaikan oleh Haji Osman Jahit ketika keberadaannya di Mekah.* Majoriti daripada pernyataan tersebut menjawab sangat setuju dengan mencatatkan sebanyak 31 orang (44.3%) berbanding dengan pilihan jawapan yang lain.

Selain itu, dapat juga dibuktikan bahawa daripada sesi temu bual bersama penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“...Untuk tarian Hamdolok... Mengikut apa yang diceritakan Encik Osman”

(12, 9 Disember 2022)

Ini dapat pengkaji simpulkan bahawa dengan pernyataan di atas bahawa Haji Osman Jahit ini merupakan pencetusnya tarian Hamdolok ini bertapak di Batu Pahat, Johor. Tanpa beliau, tidak mungkin tarian Hamdolok ini boleh berada di Batu Pahat, Johor.

ii) Encik Rahmat atau Rahmat Wayang

Encik Rahmat atau lebih dikenali sebagai Rahmat Wayang merupakan seorang pemuzik Melayu Asli. Beliau telah dilahirkan di negara Singapura. Namun, atas sebab-sebab yang tertentu beliau berhijrah ke negara jiran iaitu Malaysia dan akhirnya membuat keputusan untuk menetap terus di Kampung Bagan, Batu Pahat, Johor. Encik Rahmat atau Rahmat Wayang yang mencipta tarian Hamdolok ini berdasarkan cerita-cerita yang telah disampaikan kepada beliau oleh Haji Osman Jahit ketika keberadaannya di Mekah (Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 2003). Namun, bukan Encik Rahmat atau Rahmat Wayang ini yang memperkenalkan tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Berdasarkan kajian penyelidikan, Encik Rahmat atau Rahmat Wayang telah memperkenalkan tarian Hamdolok ini di Kampung Bagan, Batu Pahat, Johor sahaja.

Hal ini kerana, penyelidik dapat membuktikan melalui edaran borang soal selidik yang telah diedarkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor berkenaan Encik Rahmat atau Rahmat Wayang. Pernyataan tersebut ialah *Encik Rahmat atau Rahmat Wayang telah memperkenalkan tarian Hamdolok ini kepada masyarakat Kampung Rahmat*. Majoriti daripada pernyataan tersebut menjawab sangat tidak setuju dengan seramai 33 orang (47.1%) berbanding dengan pilihan jawapan

yang lain.

Seterusnya, ini dapat dibuktikan juga daripada sesi temu bual bersama penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“... dia cari orang yang pakar... Encik... Encik Rahmat Wayang...”

(12, 9 Disember 2022)

Tambahan pula, pernyataan tersebut disokong oleh ketua kampung di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Beliau menyatakan bahawa:

“Aaa orang yang pertama datang tu dia [Encik Rahmat atau Rahmat Wayang] memang orang asal dari Jo... Negeri Johor. Aaa... Kalau tak silap saya, di Batu Pahat sendiri aaa dari timur tengah tu dia [Encik Rahmat atau Rahmat Wayang] balik pun asal... Ke Batu Pahat. Sebab tu dia [Encik Rahmat atau Rahmat Wayang] pun aaa... Bermula di Batu Pahat. Dan saya ... Tak pasti. Tapi... apa yang saya...”

(11, 9 Disember 2022)

Oleh itu, melalui pernyataan di atas dapat penyelidik simpulkan bahawa bukan Encik Rahmat atau Rahmat Wayang yang memperkenalkan tarian Hamdolok ini di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Tetapi Encik Rahmat atau Rahmat Wayang yang telah mencipta tarian Hamdolok ini berdasarkan cerita-cerita yang disampaikan oleh Haji Osman Jahit.

iii) Pak Atan Bongkek

Tersebarnya tarian Hamdolok ini ke Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor adalah kerana Pak Atan Bongkek. Hal ini kerana, penyelidik dapat membuktikan melalui temu bual bersama ketua kampung di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Beliau menyatakan bahawa:

“Bagi saya Pak Atan. Kerana dari tahun 70-an dulu saya nampak dia sehingga ke akhir hayatnya...”

(11, 9 Disember 2022)

Tambahan pula, pernyataan tersebut disokong oleh penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“Yang boleh bawak tu... Yang bawak tu... Encik Pak Atan bin Bongkek lah...”

(12, 9 Disember 2022)

Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa Pak Atan Bongkek merupakan penyebar kepada tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor ini.

4.4 PENGETAHUAN MASYARAKAT JAWA TENTANG CARA PERSEMBAHAN HAMDOLOK DIPERSEMBAHKAN DI KAMPUNG RAHMAT, TANJUNG LABUH, BATU PAHAT, JOHOR

Dalam sesebuah seni persembahan itu terdapat caranya yang tersendiri. Setiap persembahan yang dibawa mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Berikut merupakan hasil analisis yang dijalankan melalui kaedah kuantitatif. Analisis tersebut

dipersembahkan dalam bentuk jadual di bawah:

| Pengetahuan Masyarakat | Skala | | | | | | | | | |
|--|-------|---|---|-----|---|-----|----|------|----|------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| Jawa Tentang Cara Persembahan Hamdolok Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor | J | % | J | % | J | % | J | % | J | % |
| Dalam suatu seni persembahan Hamdolok, kebiasaannya disertai seramai 12 orang dan ke atas. | 0 | 0 | 1 | 1.4 | 7 | 10 | 23 | 32.9 | 39 | 55.7 |
| Seni persembahan Hamdolok boleh dipersembahkan di kawasan yang lapang atau di atas pentas. | 0 | 0 | 1 | 1.4 | 2 | 2.9 | 27 | 38.6 | 40 | 57.1 |

| | | | | | | | | | | |
|--|---|-----|----|------|---|-----|----|------|----|------|
| Terdapat pelbagai alat muzik yang digunakan dalam tarian Hamdolok seperti Gampus, Dol, Maruas, Marakas dan Tamborin. | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 5.7 | 27 | 38.6 | 39 | 55.7 |
| Terdapat watak yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini seperti watak penari, watak pemuzik, watak pandu, watak lucu dan juga watak wanita. | 1 | 1.4 | 0 | 0 | 3 | 4.3 | 26 | 37.1 | 40 | 57.1 |
| Seni persembahan Hamdolok dipersembahkan mengikut bentuk dan aturan yang telah ditetapkan. | 0 | 0 | 25 | 35.7 | 3 | 4.3 | 24 | 34.3 | 18 | 25.7 |
| Lenggang- lenggok dan langkah dalam seni persembahan Hamdolok | 0 | 0 | 27 | 38.6 | 6 | 8.6 | 23 | 32.9 | 14 | 20 |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|----|------|----|-----|----|------|----|------|
| adalah seakan-akan rentak dan irama tarian Zapin. | | | | | | | | | | |
| Tarian Hamdolok tidak ditarikan dengan sesuka hati tetapi terikat dengan koreografi. | 0 | 0 | 25 | 35.7 | 21 | 30 | 11 | 15.7 | 13 | 18.6 |
| Tarian Hamdolok bertujuan untuk menghiburkan para tetamu yang hadir ketika meraikan dan memeriahkan sesuatu majlis. | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 5.7 | 24 | 34.3 | 42 | 60 |

Jadual 7: Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Cara Persembahan Hamdolok Dipersembahkan Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor

Jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 0 orang (0%) menjawab sangat tidak setuju dan 1 orang (1.4%) tidak setuju terhadap pernyataan *Dalam suatu seni persembahan Hamdolok, kebiasaannya disertai seramai 12 orang dan ke atas*. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti seramai 7 orang (10%). Selain itu juga, terdapat 23 orang (32.9%) yang menjawab setuju dan seramai 39 orang (55.7%) menjawab sangat tidak setuju. Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa dalam seni persembahan Hamdolok ini dimainkan dalam jumlah yang ramai dimana berpandukan pernyataan tersebut adalah seramai 12 orang dan ke atas. Tambah pula, dalam jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden sangat setuju dengan pernyataan

tersebut.

Selain itu, jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 0 (0%) menjawab sangat tidak setuju dan 1 orang (1.4%) tidak setuju dengan pernyataan yang diutarakan dalam borang soal selidik iaitu *Seni persembahan Hamdolok boleh dipersembahkan di kawasan yang lapang atau di atas pentas*. Seramai 2 orang (2.9%) menjawab tidak pasti. Manakala, seramai 2 orang (2.9%) menjawab tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Terdapat juga responden yang menjawab setuju yang mencatatkan sebanyak 27 orang (38.6%) dan seramai 40 orang (57.1%) menjawab sangat setuju. Oleh itu, penyelidik berpendapat responden tahu bahawa tarian Hamdolok ini dipersembahkan di kawasan yang lapang supaya ia mudah untuk ditarikan. Jika hendak dibandingkan dengan kawasan yang kecil seperti pentas ia akan menyebabkan pergerakan dalam tarian Hamdolok ini menjadi terhad.

Seterusnya, jadual 7 menunjukkan seramai 0 (0%) sangat tidak setuju dan 0 orang (0%) dengan pernyataan *Terdapat pelbagai alat muzik yang digunakan dalam tarian Hamdolok seperti Gambus, Dol, Maruas, Marakas dan Tamborin*. Terdapat responden yang menjawab tidak pasti seramai 4 orang (5.7%). Manakala, seramai 27 orang (38.6%) menjawab setuju dan 39 orang (55.7%) menjawab sangat setuju. Oleh itu, penyelidik merumuskan bahawa terdapat pelbagai alat muzik yang mengiringi tarian Hamdolok ini seperti Gambus, Dol, Maruas, Marakas dan Tamborin. Tanpa alat muzik ini maka tidak lengkaplah tarian Hamdolok ini.

Di samping itu, jadual 7 menunjukkan seramai 1 orang (1.4%) menjawab sangat tidak setuju dan seramai 0 orang (0%) menjawab tidak setuju berkenaan pernyataan *Terdapat watak yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini seperti watak penari, watak pemuzik, watak pandu, watak lucu dan juga watak wanita*. Manakala, bagi yang tidak pasti pula mencatatkan sebanyak 3 orang (4.3%). Selain itu juga, seramai 26 orang (37.1%) menjawab setuju dan seramai 40 orang (57.1%) menjawab sangat setuju. Penyelidik merumuskan bahawa terdapat beberapa watak yang dimainkan di dalam tarian Hamdolok. Hal ini demikian kerana, hasil daripada edaran borang soal selidik tersebut penyelidik mendapati respon di Kampung Rahmat, Batu Pahat, Johor majoritinya menjawab setuju dan sangat setuju.

Tambahan pula, dalam jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 0 (0%) menjawab sangat tidak setuju dan seramai 25 orang (38.6%) menjawab tidak setuju terhadap pernyataan *Seni persembahan Hamdolok dipersembahkan mengikut bentuk dan aturan yang telah ditetapkan*. Terdapat responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 3 orang (4.3%). Manakala, bagi yang menjawab setuju seramai 24 orang (34.3%) dan seramai 18 orang (25.7%) menjawab sangat setuju. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa ramai yang menjawab sangat tidak setuju kerana tarian Hamdolok bertujuan untuk menghiburkan. Jadi, tarian Hamdolok ini tidak terikat dengan bentuk dan peraturan dalam sesebuah tarian. Misalnya, jika dalam tarian lain seperti tarian Cindai mereka perlu mengikuti bentuk dan peraturan yang sedia ada. Berbeza pula dengan tarian Hamdolok di mana para penari boleh menari bebas.

Rentetan itu, dalam jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 0 (0%) menjawab sangat tidak setuju dan seramai 27 orang (38.6%) menjawab tidak setuju terhadap pernyataan *Lenggang-lenggok dan langkah dalam seni persembahan Hamdolok adalah seakan-akan rentak dan irama tarian Zapin*. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti di mana seramai 6 orang (8.6%). Manakala, bagi yang menjawab setuju seramai 23 orang (32.9%) dan seramai 14 orang (20%) menjawab sangat setuju. Daripada hasil dapatan ini, penyelidik dapat simpulkan bahawa rata-ratanya menjawab tidak setuju. Mengapa? Hal ini kerana dalam tarian Hamdolok terdapat tarian Zapin dan juga tarian Hamdolok juga. Jadi, terdapat dua tarian ditarikan dalam satu-satu masa. Jadi, wajarlah jika responden di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Tarian Hamdolok bukan seakan-akan tarian Zapin. Tetapi, tarian Zapin juga ditarikan dalam tarian Hamdolok.

Lantaran itu, jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 0 (0%) sangat tidak setuju dan 25 orang (35.7%) tidak setuju dengan pernyataan *Tarian Hamdolok tidak ditarikan dengan sesuka hati tetapi terikat dengan koreografi*. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 21 orang (30%). Manakala, bagi yang menjawab setuju pula seramai 11 orang (15.7) dan sangat tidak setuju seramai (18.6%). Oleh itu, penyelidik dapat merumuskan bahawa kebanyakan responden memilih untuk menjawab tidak setuju. Seperti yang sedia maklum, tarian Hamdolok

bertujuan untuk menghiburkan. Jadi, jika tarian Hamdolok ini terikat dengan koreografi penari tidak dapat bergerak dengan bebas. Pada mulanya, mungkin terikat dengan koreografi kerana tarian Zapin dipersembahkan terlebih dahulu. Selepas habis tarian Zapin tersebut, tarian Hamdolok pula akan ditarikan. Disini, dapat dilihat para penari bebas untuk bergerak khususnya bagi watak perut buncit yang tidak statik berada di satu tempat.

Akhir sekali, jadual 7 memperlihatkan bahawa seramai 0 (0%) memilih untuk menjawab sangat tidak setuju dan seramai 0 (0%) menjawab tidak setuju juga terhadap pernyataan *Tarian Hamdolok bertujuan untuk menghiburkan para tetamu yang hadir ketika meraikan dan memeriahkan sesuatu majlis*. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 4 orang (5.7%). Manakala, bagi yang menjawab setuju adalah seramai 24 orang (34.3%) dan sangat setuju seramai 42 orang (60%). Oleh itu, penyelidik dapat merumuskan bahawa sememangnya bertujuan untuk menghiburkan. Ini dapat dibuktikan melalui hasil dapatan bagi pernyataan tersebut apabila responden lebih cenderung untuk memilih setuju dan sangat setuju.

4.4.1 Elemen Yang Terdapat Dalam Seni Persembahan Hamdolok

Dapat dilihat bahawa terdapat beberapa elemen yang penting dalam tarian Hamdolok ini. Elemen-elemen tersebut dapat menjadikan tarian Hamdolok itu ditarikan dengan lebih sempurna di hadapan masyarakat.

i) Pakaian

Dalam setiap tarian sudah tentu mempunyai pakaiannya yang tersendiri. Dalam tarian Hamdolok ini sendiri terdapat pakaian yang khas digunakan oleh para penari dan pemuzik untuk menyerlahkan lagi seni persembahan tersebut di khayalak umum. Oleh itu, pakaian yang ditonjolkan dalam seni persembahan Hamdolok ini adalah berkonsepkan pakaian Arab.

Ini dapat dibuktikan daripada sesi temu bual bersama ketua kampung di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Beliau menyatakan bahawa:

“Cuma pakaiannya dari dulu memang ke arah-arab Arab- Arab sikit. Ha kan kan... Hurmmm...”

(I1, 9 Disember 2022)

Tambahan pula, pernyataan tersebut disokong oleh penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“Aaa... Pakaian... Pakaian dia Timur Tengah lah. Gambus, Gamis aaa... Jubah... Lepastu ada... Tu yang sekarang lah... *Bunyi sesuatu jatuh* Kalau dulu baju Melayu sekolah agama... Putih... Putih semua... Sebab agama putih tu... Lepastu kena ada baju tu baju putih aaa... Dengan seluar hitam. Ala Timur Aladdin...Tapi dulu dah tak ada... Tapi sekarang dia pakai jubah je...”

(I2, 9 Disember 2022)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konsep pakaian dalam tarian Hamdolok ini daripada pakaian Arab di mana terdapatnya tarbus yang dipakai di kepala, ighal yang berupa serban putih dipakai di atas kepala dan lain-lain lagi.

Selain itu, dari segi pakaian juga terdapat pakaian khas dibawa oleh setiap watak. Antaranya ialah watak pandu selaku ketua persembahan dalam tarian Hamdolok. Watak pandu memakai pakaian seperti jeneral. Ia memakai baju putih yang berlengan panjang dan dipadankan dengan baju kot berwarna hitam. Bagi seluar untuk watak pandu pula berupa seluar panjang dan kasut kulit yang berwarna hitam akan dipakai bersama sewaktu tarian Hamdolok dipersembahkan. Terdapat aksesori lain yang dipakai oleh watak pandu ini antaranya ialah tarbus dan juga pedang. Tarbus yang dipakai oleh watak pandu ini berwarna merah dan mempunyai rambu benang di

bahagian atasnya sebagai hiasan. Di bahagian depannya disematkan lambang sebiji bintang yang berwarna putih di mana ia mempunyai lima bucu. Lima bucu yang terdapat pada bintang tersebut melambangkan rukun Islam. Rukun Islam merupakan pegangan bagi semua umat Islam di mana ia mengandungi lima perkara iaitu mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan mengerjakan ibadah Haji bagi yang berkemampuan. Bagi aksesori pedang pula, ia diikat dengan kain kuning yang dililit di pinggang watak pandu. Pedang tersebut kebiasaannya diperbuat daripada kayu. Jika hendak dibandingkan pada suatu masa dahulu, pedang yang digunakan adalah dipersebat daripada besi. Namun, disebabkan atas faktor-faktor tertentu bahan untuk membuat pedang ini telah bertukar daripada besi kepada kayu. Terdapat rerambu berwarna hitam dan kuning diletakkan di hujung hulu pedang. Dalam pada masa yang sama juga terdapat seutas rantai besi panjang disangkutkan di bahu bahagian kiri watak pandu. Kemudian ia dibelitkan di bahagian tengkok dan seterusnya disangkutkan di bahagian kanan watak pandu. Terdapat juga tiga buah paku yang menjadi perhiasan watak pandu disemat di bahagian kiri dan kanan watak pandu di mana ia diibaratkan seperti watak jeneral yang sebenar.



Gambar 3: Pakaian Watak Pandu Dalam Tarian Hamdolok

Sumber: *Google Image*

Seterusnya, terdapat watak lucu yang dipersembahkan dalam tarian Hamdolok ini. Bagi watak lucu biasanya ia berpakaian tidak kemas, kuat berfoya-foya, kuat

meminum minuman keras seperti arak, diibaratkan seperti seorang yang kaya-raya dan dikelilingi oleh wanita cantik di sekelilingnya. Watak lucu akan memakai seluar hitam dan berkasut hitam seperti watak lain. Baju yang berwarna hitam juga akan dipakai oleh watak lucu tetapi ia bersaiz sangat besar dan labuh. Lengan baju pula akan melebihi saiz tangan pemakainya. Kadangkala watak lucu ini akan dipakaikan baju kot berwarna merah dengan berambu kuning seperti yang terdapat pada watak penari yang lain. Oleh itu, bagi menonjolkan lagi watak lucu yang terdapat padanya, sebuah bantal diletakkan di bahagian perut hadapan. Ia memperlihatkan lagi watak lucu ini dengan perut yang membuncit dan diletakkan pula dengan kain berbentuk bulat berwarna merah di tempat yang membuncit itu.



Gambar 4: Pakaian Watak Lucu Dalam Tarian Hamdolok

Sumber: *Google Image*

Akhir sekali, pakaian bagi watak penari dan pemain muzik. Mereka memakai pakaian seperti orang Arab dimana mereka mengenakan baju putih berlengan panjang dan memakai baju kot berwarna merah atau hitam yang mempunyai renda rambu berwarna kuning. Di bahagian kepala mereka, terdapat serban putih dengan ighal yang berwarna hitam atau memakai lebai yang berwarna merah. Pakaian yang dipakai oleh watak penari dan pemuzik ini merupakan ciri penting bagi orang Arab.



Gambar 5: Pakaian Watak Penari dan Pemuzik Dalam Tarian Hamdolok yang berada di bahagian kiri dan kanan

Sumber: *Google Image*

i) Lagu

Dalam sesebuah tarian juga, elemen lagu perlu dititikberatkan. Lantaran itu, dalam tarian Hamdolok juga terdapat lagu yang dibawa untuk mengiringi tarian tersebut. Lagu yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini adalah daripada gaya Arab. Ini dapat dibuktikan daripada sesi temu bual bersama ketua kampung di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Beliau menyatakan bahawa:

“Haaa gaya Arab. Perkataan Melayu tapi gaya-gaya...Aaaa aaaa... Gaya. Sebenarnya bagi saya... Dia masih memiliki gaya timur tengah sedangkan lagunya... Mungkin aaaa... Iramanya nadanya masih ke arah sana? Cuma... bahasa dia... Haaa... Bahasanya guna bahasa kita”

(I1, 9 Disember 2022)

Tambahan pula, pernyataan tersebut disokong oleh penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“Lagu dia macam lagu Arab... Tapi apa yang diulang-ulang

perkataan tu je... Arab... Tak ada yang lain...”

(12, 9 Disember 2022)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa lagu yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini adalah daripada gaya Arab. Lihat sahaja lirik lagunya di mana terselit perkataan-perkataan Arab dalam beberapa bahagian.

ii) Watak

Istimewanya tarian Hamdolok ini adalah setiap orang yang terlibat dalam persembahan ini membawa wataknya yang tersendiri. Watak-watak yang dibawa menghidupkan lagi persembahan Hamdolok dimana ia bertujuan untuk menghiburkan tetamu yang hadir untuk menyaksikan persembahan berkenaan. Antara watak yang dibawa dalam seni persembahan Hamdolok ini adalah watak pandu selaku ketua persembahan, watak lucu, watak perempuan atau watak wanita dan juga watak penari dan pemain muzik.

Hal ini kerana, penyelidik dapat membuktikan melalui edaran borang soal selidik yang telah diedarkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor berkenaan watak yang terdapat dalam tarian Hamdolok ini. Pernyataan tersebut ialah *Terdapat watak yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini seperti watak penari, watak pemuzik, watak pandu, watak lucu dan juga watak wanita.* Majoriti daripada pernyataan tersebut menjawab sangat setuju dengan seramai 40 orang (57.1%) berbanding dengan pilihan jawapan yang lain.

Selain itu, dapat juga membuktikan bahawa daripada sesi temu bual bersama penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“Aaa... Ketua... Watak lucu...Lepastu jurupandu lah... Aaa...
Lepastu dengan pemuzik”

(12, 9 Disember 2022)

Oleh itu, dapat disimpulkan disini bahawa watak-watak tersebut penting dalam tarian Hamdolok. Watak-watak tersebut adalah bertujuan untuk menghiburkan para tetamu yang hadir.



Gambar 6: Watak Yang Dimainkan Dalam Tarian Hamdolok

Sumber: *Google Image*

iii) Bentuk Solekan

Kebiasaannya dalam sesebuah tarian hanya menggunakan solekan yang biasa-biasa sahaja untuk menambahkan lagi seri penari. Bersolek untuk memperlihatkan para penari lagi cantik apabila tarian dilakukan di hadapan khalayak ramai. Tetapi, berbeza pula dengan bentuk solekan dalam tarian Hamdolok. Dalam tarian Hamdolok bentuk solekan yang digunakan menunjukkan perbezaan watak yang dibawa. Misalnya, bagi watak perut buncit mukanya disolek menggunakan warna hitam di sebelah. Manakala, sebelah muka lagi disolek menggunakan warna putih.

Ini dapat dibuktikan daripada sesi temu bual bersama ketua kampung di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Beliau menyatakan bahawa:

“Hitam. Ye... Ye... Ha yeee... Hitam arang tu...”

(11, 9 Disember 2022)

Tambahan pula, pernyataan tersebut disokong oleh penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“Solekan... Aaa... Coreng-coreng... Muka macam tentera...
 Ketawa Hilangkan identiti kita... Tak kisah awak nak bermisai ke... Nk buat tompok-tompok... Muka macam lotong ke... Yang penting korang tengok tu macam tergelak...
 Ketawa Simple... Aaa... Pastu... Dia punya solekan tulah... Coreng-coreng gitu je.... Haaa... Tayar kereta pon kita coreng
 Ketawa Pernah juga pun kita guna bontot kualiti... Nak pergi Kuala Lumpur ni... Nak guna bontot kualiti... Takde... Bont... Tayar kereta... Bolehlah... Coreng jelah...”

(12, 9 Disember 2022)

Oleh itu, dapat disimpulkan disini bahawa bentuk solekan dalam tarian Hamdolok ini berunsurkan kelakar. Apabila masyarakat melihat tarian Hamdolok ini lantas rasa terhibur. Hal ini berketetapan dengan tujuan sebenar tarian ini untuk membuatkan masyarakat terhibur. Tambah pula, dengan bentuk solekan yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini adalah sangat berbeza dengan tarian yang lain.



Gambar 7: Bentuk Solekan Dalam Tarian Hamdolok

Sumber: *Google Image*

iv) Alat Muzik

Menurut Ensiklopedia (2020) yang menyatakan bahawa alat muzik merupakan suatu alat yang khas digunakan bagi menghasilkan melodi. Dalam setiap tarian, sudah semestinya terdapat alunan muzik yang mengiringinya. Begitu juga dalam tarian Hamdolok ini. Terdapat alat muzik yang mengiringinya. Tambahan pula, alat muzik memainkan peranan yang penting dalam menghidupkan lagi sesebuah persembahan itu menjadi lebih berkualiti.

Dalam tarian Hamdolok ini alat muzik Gambus digunakan dalam tarian Hamdolok ini. Gambus merupakan sebuah alat muzik yang agak terkenal di negeri Johor. Malah, alat muzik Gambus merupakan ikon bagi negeri Johor. Kebiasaannya alat muzik Gambus dimainkan secara solo atau berkumpulan. Di timur tengah pula Gambus menjadi sebuah alat muzik yang serba boleh. Ia biasanya digunakan bagi mengiringi persembahan yang berbentuk orkestra (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2013). Lantaran itu, terdapat dua jenis alat muzik Gambus ini iaitu Gambus Arab dan Gambus Melayu. Gambus Arab juga dikenali sebagai Gambus Hadramaut dan Gambus Melayu pula dikenali sebagai Gambus Hijaz. Gambus Arab atau Gambus Hadramaut adalah dipercayai berasal dari negeri Arab. Gambus ini bentuknya tidak begitu bujur dan diperbuat daripada kayu yang terdiri daripada kayu durian belanda, kayu seraya bunga, kayu leban dan kayu mahang. Faktor pemilihan kayu penting bagi menghasilkan bunyi yang baik dan mempunyai ketahanan yang baik juga. Gambus ini mempunyai sebelas tali. Dari segi bunyi, Gambus Arab menghasilkan bunyi yang merdu dan nyaring. Manakala, Gambus Melayu pula mempunyai bentuk yang lebih kecil daripada Gambus Arab atau Gambus Hadramaut. Di negeri Johor, Gambus Melayu dikenali juga sebagai Gambus Sampan atau Gambus Biawak. Alat muzik ini diperbuat daripada kayu batang nangka, kayu cempedak atau kayu pulai. Permukaannya pula diperbuat daripada kulit binatang samada kulit biawak mahupun kulit kambing. Gambus ini mempunyai tujuh atau lapan tali. Dari segi bunyi pula, Gambus Melayu ini menghasilkan bunyi yang lebih kasar dan kurang merdu. Gambus Arab dan Gambus Melayu digunakan dalam tarian Hamdolok ini. Namun, Gambus Melayu sering digunakan kerana mempunyai bentuk yang kecil dan mudah untuk dibawa.



Gambar 8: Alat Muzik Gambus Hadramaut

Sumber: *Google Image*



Gambar 9: Alat Muzik Gambus Melayu

Sumber: *Google Image*

Seterusnya ialah alat muzik Tamborin. Tamborin diperbuat daripada lingkaran logam. Dalam masa yang sama, pada lingkaran tersebut terdapat lapan pasang piring kecil untuk menghasilkan bunyi yang gemersik. Alat muzik ini digoncangkan bagi menghasilkan bunyi.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 10: Alat Muzik Tamborin

Sumber: *Google Image*

Selain itu, alat muzik Marakas digunakan dalam tarian Hamdolok ini. Ianya diperbuat daripada tempurung yang telah dikilatkan. Untuk menghasilkan bunyi yang berbeza, penabur telah diletakkan ke dalamnya dalam saiz yang berbeza. Tambahan pula, alat muzik Maruas. Alat muzik Maruas dikenali juga sebagai gendang dua muka. Alat muzik ini berbentuk seperti silinder dan mempunyai ukuran yang kecil. Dalam sesuatu seni persembahan khususnya seni persembahan Hamdolok, alat muzik Maruas dipalu dengan menggunakan tangan secara meningkah. Bagi menghasilkan alat muzik Maruas ini kayu nangka digunakan untuk membuat baluhnya. Manakala, permukaannya menggunakan kulit kambing yang telah diregangkan bagi menghasilkan bunyi yang baik.



Gambar 11: Alat Muzik Marakas

Sumber: *Google Image*

Akhir sekali ialah Dol atau Konga Drum. Ia merupakan sebuah gendang panjang yang diperbuat daripada kayu merbau, kayu sana merbau atau pun kayu durian. Bagi menghasilkan alat muzik ini, dol perlu ditebuk terlebih dahulu agar ia mempunyai permukaan saiz yang berlainan. Kulit lembu akan diikatkan pada lingkaran khas yang diperbuat daripada logam. Dalam sebuah seni persembahan Hamdolok, sebanyak tiga buah dol yang berlainan saiz akan digunakan. Alat muzik ini agak berat dan mempunyai saiz yang panjang. Jadi, bagi memudahkan pemuzik untuk membawanya ianya akan disandang di bahagian depan anggota badan. Dengan menggunakan cara ini, ia dapat memudahkan pemuzik untuk membawanya ketika persembahan Hamdolok dipersembahkan.



Gambar 12: Alat Muzik Dol Atau Konga Drum

Sumber: *Google Image*

Ini dapat dibuktikan daripada sesi temu bual bersama ketua kampung di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Beliau menyatakan bahawa:

“Yang paling penting. Gambus... Ea Gambus ea?... Itu perkara penting. Urmmm... Aaa... Maruas, Tabla tu...”

(11, 9 Disember 2022)

Tambahan pula, pernyataan tersebut disokong oleh penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“Em... Biasanya kalau... Kita akan guna Gambus. Gambus ni ada dua versi Gambus Oud dengan Gambus Melayu. Dua-dua tak kisah, mana-mana... Lepastu alat gendang. Gendang ni Marwas, ada tiga... Lepastu untuk based dia gendang ni... Aaa... Satu macam roll panjang... *Bunyi itik* Atau cuban. Makna pun. Ada pun... Jidol pon bolehlah atau dol... Itu je untuk gendang. Lagi... Lagi aaa untuk yang ketiga ni... Tamborin... Ataupun Marakas. Tamborin pun cukup. Aaa ok... Pastu di ada tiga benda lah... Janji gendang, berkerinci... Tamborin... Atau Marakas...”

(12, 9 Disember 2022)

Oleh itu, dapat disimpulkan disini bahawa alat muzik tersebut penting untuk mengiringi tarian Hamdolok ini agar penonton berasa teruja dan seronok untuk melihatnya. Penyelidik sendiri berasa alat muzik itu sangat penting. Apabila penyelidik menonton sesebuah seni persembahan itu tanpa muzik penyelidik akan merasa sedikit bosan berbanding dengan terdapat alat muzik yang dimainkan bersama.

4.5 SEJAUHMANA PENERIMAAN MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG RAHMAT, TANJUNG LABUH, BATU PAHAT, JOHOR TERHADAP SENI PERSEMBAHAN HAMDOLOK

Dalam bahagian ini, pernyataan yang dikemukakan adalah untuk mengetahui sejauh mana penerimaan masyarakat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok ini. Adakah tarian Hamdolok ini diterima ataupun tidak diterima. Penyelidik akan mempersembahkan analisis yang diperoleh melalui borang soal selidik melalui jadual di bawah:

| Penerimaan Masyarakat Jawa Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolok | Skala | | | | | | | | | |
|---|-------|------|---|-----|---|------|----|------|----|------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | J | % | J | % | J | % | J | % | J | % |
| Tarian Hamdolok merupakan salah satu identiti bagi masyarakat Jawa. | 25 | 35.7 | 2 | 2.9 | 8 | 11.4 | 20 | 28.6 | 15 | 21.4 |
| Seni persembahan Hamdolok mengalami sedikit perubahan seiring dengan perkembangan teknologi. | 0 | 0 | 2 | 2.9 | 7 | 10 | 23 | 32.9 | 38 | 54.3 |
| Generasi muda masa kini kurang mengenali tarian Hamdolok. | 24 | 34.3 | 0 | 0 | 2 | 2.9 | 22 | 31.4 | 22 | 31.4 |
| Wujudnya kelab Hamdolok bagi membolehkan tarian ini dipelihara demi tatapan generasi akan datang. | 1 | 1.4 | 0 | 0 | 3 | 4.3 | 21 | 30 | 45 | 64.3 |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|-----|----|------|----|------|
| Menerbitkan lebih banyak maklumat mengenai tarian Hamdolok ini. | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 4.3 | 24 | 34.3 | 43 | 61.4 |
|---|---|---|---|---|---|-----|----|------|----|------|

Jadual 8: Penerimaan Masyarakat Jawa Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolok

Jadual 8 menunjukkan seramai 25 orang (35.7%) sangat tidak setuju dan tidak setuju seramai 2 orang (2.9%) terhadap pernyataan *Tarian Hamdolok merupakan salah satu identiti bagi masyarakat Jawa*. Seterusnya, seramai 8 orang (11.4%) menjawab tidak pasti mengenai pernyataan tersebut. Manakala, seramai 20 orang (28.6%) menjawab setuju dan seramai 15 orang (21.4%) menjawab sangat tidak setuju. Hal ini kerana, tarian Hamdolok bukanlah identiti bagi masyarakat Jawa. Jika dilihat daripada pakaian saja ia tidak menunjukkan masyarakat Jawa itu sendiri. Tarian Hamdolok berkonsepkan pakaian Arab. Malah, tarian Hamdolok ini juga berasal daripada Arab dan dibawa ke negeri Johor ini.

Seterusnya, dalam jadual 8 seramai 0 (0%) sangat tidak setuju dan seramai 2 orang (2.9%) tidak setuju dengan pernyataan *Seni persembahan Hamdolok mengalami sedikit perubahan seiring dengan perkembangan teknologi*. Terdapat juga responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 7 orang (10%). Manakala, bagi yang menjawab setuju pula mencatatkan sebanyak 23 orang (32.9%) dan sangat setuju seramai 38 orang (54.3%). Hal ini menunjukkan penyelidik dapat simpulkan bahawa responden di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor bersetuju dengan pernyataan ini. Dalam arus teknologi ini, tarian Hamdolok didapati berubah sedikit demi sedikit seiring dengan perkembangan teknologi. Apa yang dimaksudkan penyelidik disini adalah ia bukanlah berubah sehingga ia lari daripada konsep yang asal.

Selain itu, dalam jadual 8 menunjukkan bahawa seramai 24 (34.3%) menjawab sangat tidak setuju dan seramai 0 (0%) menjawab tidak setuju terhadap pernyataan *Generasi muda masa kini kurang mengenali tarian Hamdolok*. Terdapat juga

responden yang menjawab tidak pasti seramai 2 orang (2.9%) terhadap pernyataan ini. Manakala, seramai 22 orang (31.4%) menjawab setuju dan seramai 22 orang (31.4%) juga menjawab sangat setuju. Oleh itu, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan responden sangat tidak setuju dengan pernyataan berkenaan. Hal ini demikian kerana borang soal selidik diedarkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor sahaja. Jadi, masyarakat di tempat kajian rata-ratanya sudah mengetahui akan kewujudan tarian Hamdolok di kampung tersebut.

Di samping itu, jadual 8 menunjukkan seramai 1 orang (1.4%) menjawab sangat tidak setuju dan seramai 0 (0%) menjawab tidak setuju tentang pernyataan *Wujudnya kelab Hamdolok bagi membolehkan tarian ini dipelihara demi tatapan generasi akan datang*. Terdapat responden yang menjawab tidak pasti iaitu seramai 3 orang (4.3%). Manakala, bagi yang menjawab setuju pula seramai 21 orang (30%) dan seramai 45 orang (64.3%) menjawab sangat setuju. Oleh itu, penyelidik dapat simpulkan bahawa majoriti responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan berkenaan. Hal ini demikian kerana tarian Hamdolok merupakan sebuah tarian yang turun-temurun dan hendaklah ia dipelihara sebaik mungkin agar tidak hilang ditelan zaman.

Akhir sekali, jadual 8 menunjukkan bahawa seramai 0 (0%) menjawab sangat tidak setuju dan seramai 0 (0%) menjawab tidak setuju juga terhadap pernyataan *Menerbitkan lebih banyak maklumat mengenai tarian Hamdolok ini*. Terdapat juga, responden yang menjawab tidak pasti seramai 3 orang (4.3%). Manakala, bagi yang menjawab setuju seramai 24 orang (34.3%) dan sangat setuju seramai 43 orang (61.4%). Hal ini demikian kerana penerbitan maklumat berkaitan tarian Hamdolok ini adalah sangat kurang tidak kira di mana-mana platform sekalipun. Misalnya, platform internet tidak banyak menerbitkan maklumat berkaitan tarian Hamdolok ini. Begitu juga, dengan penerbitan buku-buku berkaitan tarian Hamdolok ini.

4.5.1 Persepsi Masyarakat Terhadap Seni Persembahan Hamdolok

Persepsi membawa maksud pandangan atau pendapat daripada seseorang individu itu

tidak kira secara perseorangan atau secara berkelompok mengenai maklumat yang diterima. Hal ini bermaksud daripada pandangan atau pendapat yang diterima tersebut bagaimana ia memberi tindak balas kepadanya. Setiap individu itu mempunyai persepsi yang tersendiri sama ada hendak menerimanya ataupun tidak ia bergantung kepada seseorang individu itu (Sinar Harian, 2019). Dalam tarian Hamdolok ini juga dapat diperlihatkan terdapat persepsi masyarakat di kampung berkenaan. Daripada sesi temu bual bersama ketua kampung di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor yang menyatakan bahawa:

“Bagi saya untuk kampung ni... Masyarakat masih menerima...
Aaaa... Di luar pun sama tetapi aaa...”

(I1, 9 Disember 2022)

Tambahan pula, pernyataan tersebut disokong oleh penggiat tarian Hamdolok yang menyatakan bahawa:

“Persepsi... Ini pandangan diaorang... Ni... Dan Hamdolok ni lebih kurang ala Arab lah. Takde la nk kata Jawa punya style tak gitu pun... Yang saya dengar-dengar... Ok je. Mungkin ada segelintir yang kurang senang... Tu pandangan diaorang lah... Tolak tepi lah... Tak perlu ada... Tak menjejaskan kita punya kesenian... Hamdolok... Selagi kita boleh bawak, bawak... Benda ni bukan baru ea... Dah lama... Kalau dia nak hentam pon, hentam jelah... Masing-masing ada... Kesenian masing-masing... Asalkan boleh diterima masyarkat... Ok... Terus...”

(I2, 9 Disember 2022)

Oleh itu, penyelidik dapat simpulkan bahawa masyarakat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor menerima tarian Hamdolok ini dengan terbuka. Hal ini kerana hampir keseluruhan masyarakat kampung tersebut mengenali tarian Hamdolok ini tidak kira dari pelbagai peringkat usia.

4.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat tiga objektif yang telah digariskan oleh penyelidik telah tercapai walaupun terdapat beberapa batasan ketika proses pengumpulan data dilakukan. Hasil daripada kajian ini penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Melalui hasil perolehan data secara kualitatif, penyelidik telah menemu bual 2 orang informan. Melalui kaedah ini secara langsung penyelidik dapat mengetahui dengan lebih mendalam lagi berkenaan tarian Hamdolok. Tambahan pula, analisis data secara kuantitatif pula menunjukkan bahawa seramai 70 orang responden terdiri daripada Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor dipilih secara rawak bagi menjawab edaran borang soal selidik yang telah disediakan oleh penyelidik. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh penyelidik secara tidak langsung dapat membantu penyelidik bagi mendapatkan jawapan yang diperlukan hasil daripada kerjasama pihak yang berkaitan.

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Dalam kajian ini penyelidik membincangkan tentang penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Kajian ini terdiri daripada lima bab iaitu bab yang pertama penyelidik menghuraikan sedikit sebanyak mengenai pengenalan kajian yang telah pun dijalankan. Bab kedua pula merangkumi kajian literatur dimana sorotan kajian-kajian telah pun ditapis oleh penyelidik untuk dijadikan panduan dalam menjalankan kajian ini. Seterusnya, bab ketiga pula merangkumi metodologi kajian di mana penyelidik menghuraikan kaedah kajian yang digunakan bagi mencapai objektif yang dimahukan dalam kajian ini. Selain itu, bab keempat pula terdiri daripada dapatan kajian. Bab keempat ini memerlukan penyelidik untuk turun ke lapangan bagi mendapatkan data yang dimahukan. Akhir sekali ialah bab kelima. Bab kelima membincangkan kesimpulan dan cadangan yang akan dihuraikan oleh penyelidik secara keseluruhan dalam menjalankan kajian ini.

5.2 RINGKASAN

Bab satu di dalam kajian ini membincangkan mengenai keseluruhan pengenalan yang

dilakukan oleh penyelidik. Ia merangkumi beberapa bahagian latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Melalui kajian ini, penyelidik dapat mengemukakan tiga objektif yang digariskan iaitu mengenalpasti pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Objektif kedua pula adalah untuk mengkaji pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Manakala, objektif ketiga pula adalah untuk membincangkan sejauh mana penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok.

Permasalahan kajian yang didapati ialah pengaruh budaya luar, sikap individu itu sendiri, terdapat orang yang mahir dan berpengalaman dalam tarian Hamdolok ini tidak mahu berkongsi ilmu dengan golongan muda, kesedaran masyarakat untuk memelihara tarian Hamdolok ini dan akhir sekali ialah pengaruh teknologi. Kajian ini berfokus di kawasan Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor sahaja. Dalam bab ini juga, penyelidik menerangkan tentang metodologi kajian yang telah digunakan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.

Bab kedua pula menghuraikan mengenai kajian literatur dan teori yang digunakan dalam kajian ini. Kajian literatur ini berkaitan dengan maksud secara umum mengenai asal-usul tarian, maksud secara umum mengenai tarian, maksud secara umum mengenai alat muzik, maksud secara umum mengenai warisan, maksud secara umum mengenai seni persembahan, maksud secara umum mengenai kebudayaan, maksud secara umum mengenai pemeliharaan, maksud secara umum mengenai pemuliharaan, tarian sebagai hiburan masyarakat dan juga tarian sebagai lambang identiti bagi sesebuah masyarakat. Dalam bab ini juga turut membincangkan mengenai pengaplikasian teori yang digunakan oleh penyelidik iaitu teori semiotik. teori yang digunakan ini diperolehi daripada Sikana (2001). Menurut beliau, teori semiotik merujuk kepada suatu ajaran mengenai tanda-tanda. Teori semiotik merupakan suatu bidang yang penting dalam menjalankan kajian khususnya apabila ia melibatkan kehidupan, kebudayaan dan juga komunikasi.

Bab tiga pula menerangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan bagi mendapatkan info dan maklumat berkaitan tarian Hamdolok ini. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif merujuk kepada kaedah temu bual dan rujukan kepustakaan. Manakala, bagi kaedah kuantitatif pula ia menggunakan edaran borang soal selidik kepada responden yang terlibat iaitu masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Pengumpul data pula diperolehi melalui data primer dan data sekunder. Data primer menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik. Manakala, data sekunder pula melibatkan kaedah kepustakaan. Lantaran itu, dalam bab ini juga kaedah analisis data yang telah digunakan oleh penyelidik ialah analisis tematik. Analisis tematik memerlukan penyelidik untuk transkrip temu bual bersama informan setelah memperoleh data melalui temu bual. Selepas itu, data-data yang diperolehi akan dikumpulkan berdasarkan soalan soal selidik dianalisis menggunakan kaedah deskriptif statistik.

Bab empat merangkumi analisis dapatan kajian hasil daripada temu bual bersama informan dan edaran soal selidik bersama responden di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Antara aspek yang diuraikan dan dianalisis dalam bab ini adalah berdasarkan objektif penyelidik iaitu mengenalpasti pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Selepas itu, mengkaji pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor dan juga membincangkan sejauh mana penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Segala info dan maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada temu bual dua orang informan dianalisis dalam analisis tematik daripada transkrip temu bual. Manakala, edaran borang soal selidik pula diedarkan kepada 70 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Teori semiotik daripada Sikana (2001) digunakan lagi bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian yang dijalankan.

5.3 PENEMUAN UTAMA

Dapatan kajian utama yang diperoleh oleh penyelidik dalam kajian ini ialah pengetahuan masyarakat Jawa tentang asal-usul tarian Hamdolok di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Sememangnya dapat dilihat penyebaran tarian Hamdolok ini di negeri Johor. Pada awalnya, ia berada di Kampung Bagan, Batu Pahat, Johor. Namun, ia kian menyebarkan ke Kampung Bintang, Batu Pahat, Johor dan seterusnya ke Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Tambah pula, di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor merupakan satu-satunya pewaris yang tinggal bagi tarian Hamdolok ini. Rata-ratanya masyarakat Jawa di kampung tersebut mengenali penggiat yang pertama iaitu Pak Atan Bongkek. Encik Rahmat atau Rahmat Wayang bukanlah orang yang memperkenalkan tarian Hamdolok di kampung tersebut.

Seterusnya, adalah mengenai pengetahuan masyarakat Jawa tentang cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Dalam konteks ini, penyelidik mendapati terdapat pelbagai elemen yang dibincangkan dalam bahagian ini yang merangkumi pelbagai perkara. Antaranya ialah pakaian. Masyarakat tahu bahawa pakaian yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini adalah adaptasi daripada gaya Arab. Sehingga kini, apabila persembahan Hamdolok ini dipersembahkan ia masih mengekalkan ciri tersebut. Selain itu, elemen lagu. Lagu yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini adalah daripada Arab juga. Seterusnya adalah dari segi watak yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini. Terdapat tiga watak utama yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini iaitu watak pandu, watak lucu, watak penari dan watak pemuzik. Malah, masyarakat di kampung tersebut juga tahu bahawa dalam tarian Hamdolok ini terdapat watak yang dibawa melalui hasil dapatan daripada edaran borang soal selidik yang telah diedarkan kepada masyarakat di kampung berkenaan. Tambahan pula, elemen yang ditonjolkan adalah dari segi bentuk solekan. Bentuk solekan yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini adalah lain daripada yang lain dan sememangnya ia tidak dinafikan ia adalah sesuatu yang unik. Jika dilihat dalam seni persembahan yang lain bentuk solekannya adalah cantik. Namun, dalam tarian Hamdolok ini, bentuk solekan yang dibawa adalah mukanya dihitamkan sepenuhnya atau pun diwarnakan dengan dua warna iaitu hitam belang putih. Malah,

terdapat juga mukanya diconteng-contengan. Masyarakat tahu dengan pernyataan ini kerana tarian Hamdolok ini menimbulkan keseronokan kepada sesiapa sahaja yang melihatnya. Akhir sekali, dalam elemen yang ditekankan cara seni persembahan Hamdolok dipersembahkan adalah dari segi alat muzik. Alat muzik merupakan alat bantu yang penting dalam menghidupkan lagi sesuatu seni persembahan itu. Masyarakat tahu bahawa terdapat beberapa alat muzik yang mengiringi tarian Hamdolok ini.

Akhir sekali, dalam kajian ini ia menyentuh mengenai penerimaan masyarakat Jawa di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor terhadap seni persembahan Hamdolok. Penyelidik mendapati masyarakat menerima dengan terbuka mengenai tarian Hamdolok ini. Malah, melalui sesi temu bual bersama informan dan edaran borang soal selidik yang diedarkan penyelidik mendapati masyarakat masih tahu berkaitan tarian Hamdolok ini sedikit sebanyak dapat membantu penyelidik mengumpulkan data yang dimahukan. Namun, terdapat juga masyarakat yang tidak tahu akan kewujudan tarian Hamdolok ini di kampung tersebut atas faktor penduduk baru di kampung tersebut.

Secara kesimpulannya, dapat disimpulkan disini bahawa kerjasama dan komitmen yang diberikan daripada pihak terutamanya individu itu sendiri, masyarakat, komuniti, institusi pendidikan, peranan media, peranan ibu bapa dan banyak lagi dilihat dapat memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkenalkan tarian Hamdolok ini dengan lebih meluas lagi agar ia tidak hilang disebabkan arus teknologi ini. Tanggungjawab pihak yang berkenaan bukan itu sahaja yang perlu dilakukan. Malah, terdapat juga usaha keras yang perlu dilakukan dengan memberikan pengiktirafan kepada tarian Hamdolok ini agar ia terkenal seiring dengan tarian lain yang terdapat di negeri Johor iaitu tarian Kuda Kepang dan tarian Zapin. Tanpa adanya usaha tersebut berkemungkinan besar ia akan hilang jika tidak terdapatnya pewaris yang lain dalam mewarisi tarian Hamdolok ini. Bagi generasi akan datang pula, ia menyebabkan mereka tertanya-tanya berkenaan dengan tarian Hamdolok ini.

5.4 SARANAN DAN CADANGAN

Tarian Hamdolok ini hendaklah dipelihara dengan sebaiknya agar ia tidak hilang ditelan arus peredaran teknologi yang semakin canggih ini. Generasi muda masa kini seharusnya mengambil berat akan warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita dengan melestarikannya agar ia berkekalan dari generasi ke generasi. Semua pihak hendaklah bekerjasama dalam semua aspek ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni dalam usaha untuk mengekalkan tarian Hamdolok ini dan seterusnya mengangkatnya sebagai salah satu warisan tidak ketara yang terdapat di Malaysia. Jika dapat berbuat demikian penyelidik berasa amat bersyukur dan berasa sedikit tenang. Dari segi penerbitan buku pula hendaklah dipelbagaikan. Hal ini kerana terdapat beberapa buah buku sahaja yang menerbitkan bahan bacaan mengenai tarian Hamdolok ini. Jadi, ia menyukarkan sedikit dalam pencarian info dan maklumat mengenai tarian Hamdolok ini. Oleh itu, beberapa cadangan yang diutarakan oleh penyelidik diharap dapat dipertimbangkan lagi. Sikap acuh tidak acuh mengenai seni persembahan Hamdolok ini hendaklah dijauhkan agar tidak wujudnya sikap mementingkan diri.

5.4.1 Kajian Akan Datang

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini, penyelidik akan datang perlu membuat secara mendalam lagi mengenai seni persembahan Hamdolok ini. Hal ini demikian kerana sepanjang penyelidik menjalankan kajian ini, penyelidik tidak memperoleh banyak info dan maklumat untuk dijadikan rujukan dalam kajian ini. Tidak kira dari segi asal-usul, cara seni persembahan dan lain-lain lagi. Penceritaan yang lebih terperinci mengenai tarian Hamdolok ini sukar untuk diperoleh. Dengan berjumpa dengan penggiat seni persembahan Hamdolok sahaja penyelidik dapat memperoleh info dan maklumat yang lebih sedikit. Atas faktor usia, penggiat Hamdolok yang sebelum ini telah pun menghadap Ilahi. Malah, penyelidik sangat pasti bahawa masyarakat di Malaysia ini kebanyakannya tidak tahu akan kewujudan tarian Hamdolok ini. Begitu juga dengan info dan maklumat di internet jua tidak banyak. Oleh itu, tiada rujukan yang banyak dibukukan berdasarkan hasil daripada kajian lepas. Justeru itu, pihak penerbitan dan penyelidik sendiri hendaklah

membukukan berkenaan dengan tarian Hamdolok ini.

5.4.2 Kesedaran Terhadap Kepentingan Tarian Hamdolok

Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan memulihara tarian Hamdolok ini supaya ia kekal dari generasi ke generasi. Hal ini demikian kerana tanpa adanya masyarakat itu sendiri tidak mungkin ia dapat dipelihara. Jika hendak mengharapkan pihak berkepentingan sahaja tidak mungkin ia dapat dipelihara dengan baik. Namun, dengan adanya penglibatan masyarakat tarian Hamdolok ini dapat dipelihara dengan baik. Malah, masyarakat sendiri terlibat dalam tarian Hamdolok ini tidak kira dari segi umur yang berbeza. Tetapi, perbezaan umur tidak menghalang dalam meneruskan tarian Hamdolok ini dan tidak menimbulkan apa-apa masalah. Perbezaan umur ini dapat mengeratkan lagi hubungan sesama masyarakat dengan penglibatan sama. Oleh itu, masyarakat hendaklah sedar akan perkara ini di mana mereka memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan memulihara tarian Hamdolok ini. Dalam pada masa yang sama, hubungan antara masyarakat dapat dipupuk lalu menjadikan ia akrab tanpa adanya sifat hasad dengki.

5.4.3 Peranan Institusi Pendidikan Dalam Memberi Pendedahan Terhadap Seni Persembahan Hamdolok

Institusi pendidikan juga dilihat mampu untuk mengekalkan tarian Hamdolok ini. Institusi pendidikan dapat memberikan pendedahan awal terhadap seni persembahan Hamdolok ini. Melalui sesi pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran Sivik dan Kewarganegaraan dilihat mampu memberikan pendedahan awal di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Jika berbuat demikian para pelajar akan tahu mengenai tinggalan warisan yang terdapat di negara kita terutamanya tarian Hamdolok ini. Kepentingan dalam memeliharanya hendaklah ditekankan lagi agar para pelajar mengambil maklum akan perkara ini. Menerusi perkara ini, para pelajar akan berasa pentingnya warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang dalam melestarikannya secara berterusan dari generasi ke generasi. Bagi peringkat pengajian tinggi pula, kos berkaitan warisan hendaklah diperluaskan dengan lebih lagi. Sebagai

contoh, di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sendiri terdapat kos warisan yang mendedahkan para pelajar untuk mengetahui segala aspek yang berkaitan dengan warisan. Termasuk penyelidik sendiri yang menyambung pengajian ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan mengambil kos warisan. Berdasarkan apa yang dilalui oleh penyelidik didapati bahawa ia mampu memberi kesedaran kepada para pelajar akan pentingnya penjagaan warisan yang terdapat di negara kita.

5.4.4 Mendapat Pengiktirafan Dari Pelbagai Pihak

Jika mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sudah semestinya suatu keistimewaan seiring dengan tarian lain yang terdapat di negeri Johor seperti tarian Zapin dan tarian Kuda Kepang. Apabila sebut sahaja negeri Johor rata-ratanya akan lebih mengenali kedua tarian tersebut berbanding dengan tarian Hamdolok. Tarian Hamdolok ini boleh dikategorikan sebagai warisan tidak ketara dari segi seni persembahan atau tarian jika sudah mendapat pengiktirafan. Namun, pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) hendaklah memasukkan tarian Hamdolok ini sebagai suatu kesenian warisan yang terdapat di negara kita. Begitu juga dengan pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) hendaklah mengambil perhatian yang tinggi terhadap satu-satunya penggiat tarian Hamdolok yang terdapat di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor. Untuk mencari pewaris lain pula penggiat itu sendiri hendaklah mencari seseorang individu yang betul-betul mahu untuk mewarisi tarian Hamdolok ini agar ia terus berkekalan.

5.5 PENUTUP

Penyelidik berharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada penyelidik akan datang dalam membuat kajian berkaitan tarian Hamdolok ini. Penyelidik juga berharap agar kajian ini juga dapat memberikan pendedahan yang jelas tentang kepentingan menjaga tarian Hamdolok ini dengan sebaiknya agar ia terus berkekalan dari generasi ke generasi. Pengekalan sesebuah warisan itu penting kerana tanpa adanya kerja pemeliharaan dan pemuliharaan yang baik ia mungkin akan pupus pada masa akan datang. Malah, ia merupakan suatu kerugian yang sangat besar kepada

semua pihak tidak kira kepada individu itu sendiri, masyarakat mahupun negara.

Selain itu juga, melalui kajian penyelidikan ia dapat memberi pendedahan kepada masyarakat lain tentang warisan seni persembahan yang terdapat di negeri Johor selain tarian Zapin dan tarian Kuda Kepang. Dalam melestarikan tarian Hamdolok dengan lebih giat lagi mampu untuk mengembangkan lagi bidang penyelidikan ini dengan lebih meluas lagi. Tarian Hamdolok sepatutnya dikenali dengan lebih meluas lagi tetapi atas pelbagai faktor ia semakin tenggelam ditelan zaman.

Oleh itu, semua pihak hendaklah bekerjasama dalam memelihara dan memulihara tarian Hamdolok agar ia kekal dari generasi ke generasi. Semua pihak hendaklah ibarat ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni dalam memelihara dan memulihara segala warisan yang terdapat di negara kita khususnya dalam bidang seni persembahan iaitu tarian Hamdolok. Generasi muda masa kini hendaklah mengambil peluang yang sewajarnya agar tarian Hamdolok ini kekal hingga ke generasi ke generasi.

RUJUKAN


- Asmad (1990). *Kesenian Tari*. Kuala Lumpur: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Atom (2012). *Hamdolok*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <http://kumpulan46bestari.blogspot.com/2012/10/>
- Batu Pahat (2014). *Tarian Hamdolok*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=291292964388120&id=264399343744149&mibextid=Nif5oz
- Buddyzforever (2013). *Warisan Negara*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <http://foreverbuddyz9.blogspot.com/2013/>
- Buku Must Sdn. Bhd. (2007). *Mek Mulong dan Hamdolok*. Kuala Lumpur: Asia.
- Ensiklopedia Bebas (2017). *Hamdolok*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://ms.wikipedia.org/wiki/Hamdolok#:~:text=Tarian%20Hamdolok%20atau%20juga%20dikenali,nyanyian%2C%20tarian%20serta%20permainan%20muzik>
- GoJohor (2019). *Budaya Johor*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://gojohor.my/johor-culture/>
- Hamidah Husain & Mohamed Roselan Malek (1995). *Alat Muzik Tradisional*. Petaling Jaya: Prisma Sdn. Bhd.
- Husna Idris (2016). *Seni*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://www.academia.edu/37567757/Seni>
- Ilham Ramadhan Al-Ghazali (2020). *Hamdolok Warisan Yang Semakin Dilupakan*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <http://kelkatutv.com/hamdolok-warisan-yang-semakin-dilupakan/>

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (2013). *Senarai Perantisan Seni Budaya Tahun 2013*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://www.motac.gov.my/ar/ar13/files/basic-html/page287.html>
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (2022). *Hamdolak*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/state/category/culture/215>
- Jabatan Warisan Negara (2021). *Teater*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://www.heritage.gov.my/teater.html>
- Maruwiah Ahmat (2014). *Alat bantu Muzik Tradisional*. Selangor: Makmur Educational Supplies Sdn. Bhd.
- Maruwiah Ahmat (2014). *Seni Persembahan Tradisional*. Selangor: Makmur Educational Supplies Sdn. Bhd.
- Maznah Moktar (2009). *Istimewanya Johor*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <http://maznahmoktar.blogspot.com/2009/06/istimewanya-johor.html>
- Mohd Syahrul Hanafi (2009). *Seni Persembahan Rakyat*. Selangor: Penapro Sdn. Bhd.
- Mohd Zaki bin Mohd Helmi (2006). *Warisan Seni*. Petaling Jaya: Femina
- Muhamad Akmal (2017). *Tarian Hamdolak Group 2*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://prezi.com/lplyps78opja/tarian-hamdolak-group-2/>
- Nik Mustapha bin Nik Mohd. Salleh (2009). *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- Nurimandina (2021). *Prosiding Rentas 2021*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://anyflip.com/trfpm/txdv/basic/501-550>
- Seamex (2020). *Hamdolak (Malaysia)*. Diakses pada Februari 15, 2023 dari <https://seamex.net/2017/09/04/hamdolak-malaysia/>


Umi Abdullah (2003). *Siri Mengenal Budaya 1/2003: Hamdolok*. Kuala Lumpur:
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

LAMPIRAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SOALAN TEMU BUAL SEPARA BERSTRUKTUR

TAJUK KAJIAN:

PENERIMAAN MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG RAHMAT, TANJUNG LABUH, BATU PAHAT, JOHOR TERHADAP SENI PERSEMBAHAN HAMDOLOK

OBJEKTIF KAJIAN:

- a) Mengenalpasti Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Asal-Usul Tarian Hamdolok Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor.
- b) Mengkaji Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Cara Seni Persembahan Hamdolok Dipersembahkan Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor.
- c) Membincangkan Sejauhmana Penerimaan Masyarakat Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolok.

NOTA:

Berikut merupakan soalan-soalan temubual yang akan digunakan sepanjang sesi temubual dijalankan. Segala butir maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya digunakan untuk penyelidikan ini sahaja.

**Pengetahuan Tentang Asal-Usul Tarian Hamdolok Di Kampung Rahmat,
Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor**

- Soalan 1: Bagaimanakah tarian Hamdolok bermula?
- Soalan 2: Bagaimana tarian Hamdolok ini boleh berada di negeri Johor dan bukannya di negeri-negeri lain?
- Soalan 3: Selain nama Hamdolok, apakah nama lain bagi Hamdolok ini?
- Soalan 4: Siapakah pelopor yang membawa seni Hamdolok ini ke negeri Johor?
- Soalan 5: Apakah tujuan tarian Hamdolok ini dipersembahkan?
- Soalan 6: Adakah tarian Hamdolok ini mempunyai unsur ritual atau hanya hiburan semata-mata?
- Soalan 7: Bilakah tarian Hamdolok ini dipersembahkan?
- Soalan 8: Apakah perkembangan terkini dalam seni persembahan Hamdolok?
- Soalan 9: Apakah perbezaan dahulu dan kini dalam seni persembahan Hamdolok?

**Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Cara Persembahan Hamdolok
Dipersembahkan Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor**

- Soalan 1: Berapakah jumlah penari yang terlibat dalam tarian Hamdolok?
- Soalan 2: Bagaimanakah seni persembahan Hamdolok ini dipersembahkan?
- Soalan 3: Apakah jenis alat muzik yang digunakan dalam tarian Hamdolok ini?
- Soalan 4: Apakah jenis lagu yang dibawa dalam seni persembahan Hamdolok ini?
- Soalan 5: Bagaimanakah terciptanya lagu dalam seni persembahan Hamdolok ini?
- Soalan 6: Dalam tarian Hamdolok ini, apakah konsep pakaian yang digunakan?
- Soalan 7: Apakah keistimewaan pakaian dalam tarian Hamdolok berbanding dengan

pakaian daripada tarian lain?

Soalan 8: Selain pakaian, apakah aksesori yang digunakan dalam tarian Hamdolok?

Soalan 9: Apakah bentuk solekan yang dikenakan oleh penari tarian Hamdolok?

Soalan 10: Bagaimana penciptaan watak dalam tarian Hamdolok ini boleh terjadi?

Soalan 11: Dalam tarian Hamdolok ini, berapakah watak dimainkan oleh penari?

Soalan 12: Bagaimanakah gerak-tari dalam tarian Hamdolok ketika dipersembahkan?

Soalan 13: Adakah terdapat pantang-larang yang mesti dipatuhi oleh penari dan pemuzik dalam tarian Hamdolok ini?

Sejauhmana Penerimaan Masyarakat Jawa Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolok

Soalan 1: Apakah pandangan anda mengenai tarian Hamdolok ini?

Soalan 2: Apakah persepsi masyarakat terhadap seni persembahan Hamdolok ini?

Soalan 3: Adakah masyarakat tahu akan kewujudan tarian Hamdolok ini?

Soalan 4: Mengapakah masyarakat kini terutamanya generasi muda kurang mengenai seni persembahan Hamdolok ini?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

JABATAN WARISAN, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BORANG SOAL SELIDIK:

**“PENERIMAAN MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG RAHMAT,
TANJUNG LABUH, BATU PAHAT, JOHOR TERHADAP SENI
PERSEMBAHAN HAMDOLOK”**

Kepada responden yang dihormati:

Nama saya Nur Syazana binti Hussin bernombor kad matrik C19A0584. Saya merupakan pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Saya sedang menjalankan tinjauan mengenai “Penerimaan Masyarakat Jawa Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap Seni Persembahan Hamdolok” bagi menyempurnakan keperluan kursus Projek Penyelidikan (CFT 4134), Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Warisan. Segala maklumat dalam kajian ini hanya digunakan bagi tujuan penyelidikan serta maklumat responden adalah **SULIT**. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak responden didahului dengan ribuan terima kasih.

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Pada bahagian ini, sila pilih jawapan yang bersesuaian dan wajib menjawab semua soalan di bahagian ini.

1. Jantina

| | |
|--------------------------|-----------|
| <input type="checkbox"/> | Lelaki |
| <input type="checkbox"/> | Perempuan |

2. Umur

| | |
|--------------------------|-----------------------|
| <input type="checkbox"/> | 25 tahun dan ke bawah |
| <input type="checkbox"/> | 26 - 35 tahun |
| <input type="checkbox"/> | 36 - 45 tahun |
| <input type="checkbox"/> | 46 - 55 tahun |
| <input type="checkbox"/> | 56 tahun dan ke atas |

Lain-lain sila nyatakan _____

3. Status

| | |
|--------------------------|-----------|
| <input type="checkbox"/> | Bujang |
| <input type="checkbox"/> | Berkahwin |

4. Kaum

| | |
|--------------------------|--------|
| <input type="checkbox"/> | Melayu |
| <input type="checkbox"/> | Cina |
| <input type="checkbox"/> | India |

Lain-lain sila nyatakan _____

**Bahagian B: Mengenalpasti Pengetahuan Tentang Asal-Usul Tarian Hamdolok
Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor**

Sila baca soalan dengan teliti dan tanda pada jawapan mengikut skala yang telah diberikan

| | | | | |
|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |

| Bil | Item | Skala | | | | |
|-----|---|-------|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 1 | Tarian Hamdolok juga dikenali sebagai 'Masadeka' dalam kalangan masyarakat Jawa. | | | | | |
| 2 | Perkataan 'Masadeka' atau Hamdolok itu membawa kepada dua perkataan yang berbeza yang mana 'Ma' bermaksud 'Siapa' manakala 'Sadeka' pula membawa maksud kepada 'Benar'. | | | | | |
| 3 | Tarian Hamdolok ini dibawa dari Negara Timur Tengah iaitu Arab. | | | | | |
| 4 | Dikatakan tarian Hamdolok yang dibawa ini merupakan cerita-cerita yang disampaikan oleh Haji Osman Jahit ketika keberadaannya di Mekah. | | | | | |
| 5 | Tarian Hamdolok diinspirasi daripada Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. dengan cara berarak yang disambut oleh masyarakat Badwi yang tinggal di Mekah. | | | | | |
| 6 | Encik Rahmat atau Rahmat Wayang telah memperkenalkan tarian Hamdolok ini kepada masyarakat Kampung Rahmat. | | | | | |
| 7 | Seni persembahan Hamdolok merupakan salah satu jenis tarian yang popular pada suatu masa dahulu di negeri Johor. | | | | | |

Bahagian C: Mengkaji Pengetahuan Masyarakat Jawa Tentang Cara Persembahan Hamdolok Dipersembahkan Di Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor

Sila baca soalan dengan teliti dan tanda pada jawapan mengikut skala yang telah diberikan

| | | | | |
|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |

| Bil | Item | Skala | | | | |
|-----|--|-------|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 1 | Dalam suatu seni persembahan Hamdolok, kebiasaannya disertai seramai 12 orang dan ke atas. | | | | | |
| 2 | Seni persembahan Hamdolok boleh dipersembahkan di kawasan yang lapang atau di atas pentas. | | | | | |
| 3 | Terdapat pelbagai alat muzik yang digunakan dalam tarian Hamdolok seperti Gambus, Dol, Maruas, Marakas dan Tamborin. | | | | | |
| 4 | Terdapat watak yang dibawa dalam tarian Hamdolok ini seperti watak penari, watak pemuzik, watak pandu, watak lucu dan juga watak wanita. | | | | | |
| 5 | Seni persembahan Hamdolok dipersembahkan mengikut bentuk dan aturan yang telah ditetapkan. | | | | | |
| 6 | Lenggang-lenggok dan langkah dalam seni persembahan Hamdolok adalah seakan-akan rentak dan irama tarian Zapin. | | | | | |
| 7 | Tarian Hamdolok tidak ditarikan dengan sesuka hati tetapi terikat dengan koreografi. | | | | | |
| 8 | Tarian Hamdolok bertujuan untuk menghiburkan para tetamu yang hadir ketika meraikan dan memeriahkan sesuatu majlis. | | | | | |

**Bahagian D: Membincangkan Sejauh Mana Penerimaan Masyarakat Jawa Di
Kampung Rahmat, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor Terhadap
Seni Persembahan Hamdolok**

Sila baca soalan dengan teliti dan tanda pada jawapan mengikut skala yang telah diberikan

| | | | | |
|---------------------|--------------|-------------|--------|---------------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak pasti | Setuju | Sangat setuju |

| Bil | Item | Skala | | | | |
|-----|---|-------|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 1 | Tarian Hamdolok merupakan salah satu identiti bagi masyarakat Jawa. | | | | | |
| 2 | Seni persembahan Hamdolok mengalami sedikit perubahan seiring dengan perkembangan teknologi. | | | | | |
| 3 | Generasi muda masa kini kurang mengenali tarian Hamdolok. | | | | | |
| 4 | Wujudnya kelab Hamdolok bagi membolehkan tarian ini dipelihara demi tatapan generasi akan datang. | | | | | |
| 5 | Menerbitkan lebih banyak maklumat mengenai tarian Hamdolok ini. | | | | | |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN